



ISU TANAH
IJOK SELESAI

MUKA 3

SULTAN SHARAFUDDIN BERKENAN
PELABURAN LEBIH RM812.6 JUTA

MUKA 5

SINGAPURA-MALAYSIA
SEPAKAT TANGGUH HSR

MUKA 7

TELITI TUBUH AKTA
SABOTAJ EKONOMI

MUKA 9

TITAH SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH

TAHNNIAH KERAJAAN NEGERI

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Kerajaan Negeri yang dipilih semula rakyat membentuk pentadbiran, selepas Pilihan Raya Umum ke-14.

Baginda bertitah, Kerajaan Negeri diharap dapat menjalin kerjasama yang baik dengan Kerajaan Persekutuan supaya suasana aman, makmur dan harmoni terus dipertahankan dengan mengekalkan perpaduan yang terjalin antara kaum, di negeri itu.

Sultan Sharafuddin bertitah, persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) kali ini melakar satu sejarah baharu kerana menyaksikan bilangan besar Ahli Dewan Negeri baharu dan berharap mereka terus menjalankan amanah serta kepercayaan rakyat.

Titah baginda, semua wakil rakyat perlu bekerjasama dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diketuai Dato' Menteri Besar, Amiruddin Shari.

"Beta berkenan supaya Ahli Yang Berhormat di dewan ini dapat membahaskan persoalan dasar dan membangunkan program yang memberi im-

pak kepada Selangor.

"Perbincangan juga semestinya tidak bercanggah dengan Peraturan-peraturan Tetap DNS dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor serta sejajar dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Beta menekankan kepentingan prinsip tabir urus baik dan proses membuat keputusan bagi Selangor kerana ia termasuk dalam sistem integriti juga akauntabiliti yang sedia wujud dalam kepimpinan negeri dan perlu terus diamalkan," titah baginda ketika Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan DNS ke-14 Tahun 2018, di sini, pada 3 September lalu.

Sementara itu, mantan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali melahirkan rasa kagum terhadap kepimpinan Amirudin.

Katanya, ia ditunjukkan melalui ketegasan pemimpin tertinggi negeri itu yang berusaha membawa Pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) ke dalam sidang DNS.

"Saya memberi sokongan terbaik terhadap isu ini memandangkan perkahwinan sedemikian hanya memberi kemudaratan kepada masyarakat termasuk masa depan kanak-kanak terbabit," katanya.



**BARANG SEGAR
DIJAMIN SETIAP HARI!**

**SACC Grocer KINI!
DIBUKA!**

**ARAS LG SACC MALL,
SHAH ALAM**



10.30 pagi hingga 10 malam

@SKMMarketsaccmall



OLEH SHEEDA FATHIL

Capai kemerdekaan kedua

PAKATAN jamin keadilan buat rakyat

SHAH ALAM - Sempena sambutan Hari Kebangsaan, kerajaan baharu Pakatan Harapan (PAKATAN) menjamin keadilan kepada rakyat selepas mencapai kemerdekaan kedua, sekali gus menolak pemerintahan kejam kerajaan terdahulu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi perutusan sempena Hari Kebangsaan berkata, rakyat perlu berganding bahu bersama kerajaan baharu untuk memulihkan negara ekoran kerosakan ditinggalkan kerajaan terdahulu.

"Sesungguhnya, ini adalah kemerdekaan kedua bagi kita. Kita sudah bebas daripada belenggu pemerintahan kejam. Hidup kita lebih selesa.

"Malah, Kerajaan PAKATAN akan jamin keadilan bagi semua rakyat tanpa mengira kaum, bangsa atau agama," katanya dalam perutusan yang disiarkan oleh televisyen tempatan.

Dr Mahathir berkata, mengimbas kembali kejayaan Malaysia, negara itu pernah membangun dengan pesatnya sehingga dikenali sebagai Harimau Asia dan sebenarnya Malaysia mampu menjadi sebuah negara maju, menjelang 2020.

"Malangnya, pertukaran pemerintahan membawa perubahan dasar dan pendekatan dengan sistem demokrasi serta pentadbiran mengikut undang-undang digugur, malahan diganti dengan cara lain.

"Demikianlah kerosakan dan tekanan yang dirasakan rakyat sehingga mereka berasa seolah-olah mencapai kemerdekaan sekali lagi apabila PRU14 (Pilihan Raya Umum ke-14) menghasilkan perubahan pemerintahan," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memahami hasratnya mengajak rakyat berganding bahu dengan kerajaan untuk memulihkan negara bukan sesuatu yang mudah.

Katanya, beliau sudah membayangkan cabaran besar bakal dihadapi, namun tetap yakin dengan gandingan kerajaan serta rakyat mampu memulihkan negara.



Dr Mahathir bersama barisan Kabinet ketika sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Putrajaya, pada 31 Ogos lalu



Serlah identiti perpaduan negara

PUTRAJAYA - Buat pertama kali, kontinjen Sayangi Malaysiaku yang membabitkan 800 peserta mengambil bahagian dalam Sambutan Hari Kebangsaan 2018 di Dataran Putrajaya, pada 31 Ogos lalu.

Memaparkan komuniti mewakili pelbagai peringkat umur, kaum dan budaya, ia menggam-

barkan identiti Malaysia daripada berbilang bangsa, hidup dalam kepelbagaian, harmoni serta bersatu padu.

Persembahan khas 'Sayangi Malaysiaku' pula membabitkan 600 peserta dan digarap Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Turut mengambil bahagian, kontinjen perkhidmatan awam seramai 900 pegawai kerajaan mewakili 25 kementerian dan enam jabatan kerajaan.

Diketuai Timbalan Ketua Pengerah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Mohtar Mohd Abdul Rahman, beliau turut disokong 31 pegawai kanan dengan motto 'Perkhidmatan Awam Sayangi Malaysiaku'.

Tidak ketinggalan, kontinjen Syarikat Berkenaan Kerajaan (GLC) dan sektor awam yang diselenggarakan Khazanah Nasional Malaysia daripada 37 syarikat pelaburan membabitkan pelbagai sektor dan industri utama.

Di samping itu, bahagian ketenteraman awam diselenggarakan Kementerian Dalam Negeri dengan kekuatan 2,610 orang yang terdiri daripada 10 agensi penguatkuasaan.

Selangor 'Lembah Kemakmuran'

SHAH ALAM - Misi menjadikan Selangor sebagai 'Lembah Kemakmuran' buat setiap rakyat perlu digembeleng bersama antara agensi kerajaan, swasta dan korporat.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, harapan itu bagi memastikan setiap rakyat di negeri itu dapat bersama-sama menikmati kemakmuran berkenaan tanpa ketinggalan.

"Sesungguhnya dalam melaksanakan prinsip dan dasar pentadbiran negeri, saya memerlukan saf kepimpinan serta rakyat yang utuh juga jitu.

"Berasaskan prinsip 'Maju Bersama', saya mahu mengajak saf kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama menggembleng dan berpadu tenaga dengan rakyat Selangor supaya negeri ini kekal aman serta makmur," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan lebih 10,000 rakyat yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Kebangsaan ke-61 Peringkat Selangor, pada 30 Ogos lalu.

Amirudin berkata, Selangor sudah membuktikan kemampuan mengemudi ekonomi negeri pada tahap terbaik sehingga menjadi penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pada 2017.

Katanya, fakta itu bukan menjadi faktor buat Selangor un-

Berasaskan prinsip 'Maju Bersama', saya mahu mengajak saf kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama menggembleng dan berpadu tenaga dengan rakyat Selangor supaya negeri ini kekal aman serta makmur

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

tuk mendabik dada, sebaliknya memberitahu dunia resipi kejayaan adalah kerjasama erat antara kerajaan dan rakyat dalam memakmurkan negeri.

"Aspirasi Kerajaan Negeri dan cita-cita rakyat menjadi satu bagaikan aur dan tebing. Justeru, tidak hairanlah dasar Kerajaan Negeri berpaksikan ketelusan, adil dan berintegriti serta disenangi rakyat tidak kira kaum, agama juga peringkat umur.

"Keluarga besar Selangor ini adalah tunjang utama dalam memastikan hasil dan kejayaan negeri dinikmati oleh semua," katanya.



SPRM sahan tiada pendakwaan

Isu tanah Ijok selesai

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

PETALING JAYA - Isu tanah peneroka mukim Ijok yang digembar gemburkan sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 oleh Barisan Nasional (BN) sekadar mahu menutup kelemahan mereka, kata Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari.

Katanya, sentimen terbabit hanya dimainkan sebagai langkah jangka pendek bagi menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat.

"Kita sangat konsisten daripada awal membuktikan bahawa tiada sebarang keraguan atau perkara di luar batas undang-undang yang dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah tanah Ijok.

"Jawapan bekas Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) cukup jelas membuktikan bahawa yang kita selesaikan adalah masalah tertunggak dibuat pentadbiran terdahulu.

"Kita juga mengambil inisiatif untuk selesaikan dengan konsep menang-menang iaitu penduduk yang tidak dapat rumah dapat rumah dan mereka yang belum dapat pampasan akan dapat pampasan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Karnival Komuniti dan Hari Terbuka UNISEL, di sini, pada 1 September lalu.

Selangor sokong usaha mantapkan DEB

KUALA LUMPUR - Kerajaan Selangor menyokong sebarang usaha menambah baik Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi memantapkan ekonomi Bumiputera dan orang Melayu termasuk langkah membatalkan projek yang dipindah milik daripada pemilik asal.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, langkah itu dapat membentasi budaya orang tengah dan pelobi supaya pihak yang mempunyai keupayaan sebenar dapat melaksanakan projek sehingga berjaya.

"Keadaan itu sebagai jaminan (kerajaan) demi memastikan keutamaan kontrak diberikan kepada kumpulan peniaga sebenar bukan mengembangkan kelompok pelobi yang hanya ingin mengutip hasil besar.

"Malah, caj dikenakan pelobi atau orang tengah ini kebiasaannya tinggi hingga mengakibatkan kos projek meningkat sehingga gagal dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada

Terdahulu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi), Dato' Seri Azam Baki, mengesahkan siasatan terhadap kes berkaitan isu tanah di Mukim Ijok selesai, malahan sudah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

Bagaimanapun beliau berkata, tiada sebarang pendakwaan akan dibuat berhubung kes terbabit.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan prinsip pentadbiran lebih telus dengan menunjukkan cara terbaik bagi meletakkan kepercayaan kepada rakyat.

"Buktinya, lebih 1,000 peneroka terkesan daripada kes ini yang dapat kita selesaikan. Sebab itu majoriti rakyat dapat menerima baik penjelasan kita," katanya.

Sebelum ini, Jawatankuasa Badan Bertindak Asal Peneroka Tanah Ijok membuat laporan kepada SPRM kerana mengesyaki berlaku penyelewengan oleh beberapa individu yang bertanggungjawab menandatangani perjanjian penyelesaian berhubung kes tanah berkenaan, di Mahkamah Persekutuan.

Jawatankuasa itu mendakwa, pihaknya mengesyaki individu terbabit ada menerima suapan untuk kompromi hak dan kepentingan peneroka, di kawasan itu.

SelangorKini ketika ditemui selepas majlis perasmian Kongres Masa Depan Bumiputera & Negara 2018; Mendepani Cabaran Bumiputera Dalam Malaysia Baharu, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pada 1 September lalu.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmian sebelum itu menegaskan Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membatalkan projek yang dipindah milik kepada pihak lain dan pertolongan tidak akan diberikan kepada kumpulan yang mahu memperolehi kekayaan segera.

Amirudin berkata, di peringkat Kerajaan Negeri pihaknya mengambil keputusan menyenarai hitam syarikat yang gagal melaksanakan projek seperti diarahkan dalam kertas kerja atau tender diberikan.

Beliau berkata, hasil perbincangan kongres itu diharapkan mampu memperbaiki kelemahan pelaksanaan DEB menerusi perkongsian pakar dan pemain industri.



Santuni rakyat tanpa pilih kasih

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri komited untuk terus konsisten dalam melaksanakan program kebajikan, pendidikan dan pemberdayaan setiap golongan dengan mengambil kira konsep 'buta warna'.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, konsep itu diterapkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri supaya setiap kaum merasai peruntukan tanpa pilih kasih.

Katanya, pentadbiran Kerajaan Negeri menjanjikan suasana yang baik, keadilan untuk rakyat dan pentadbiran jujur serta amanah.

"Kekayaan negeri bukan milik pimpinan tetapi untuk rakyat Selangor. Sebab itu, kita me-

astikan rakyat berada dalam keadaan baik menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.

"Kemerdekaan 61 tahun ini mengajar kita erti perpaduan. Sudah sampai masanya kita meninggalkan perbezaan kaum. Memisahkan antara kaum adalah perbuatan penjajah ber-puluh tahun dahulu.

"Kita kini hidup bebas di tanah air dalam sebuah negara Malaysia. Sudah sampai masanya kita buang sikap prejudis perkauman," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Kece-merlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) 2017 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, di Selangor, pada 2 Sep-

tember lalu.

Pada masa sama, Amirudin mahu setiap ibu bapa di negeri itu menjadi pelopor dan bersatu padu untuk menekankan semangat perpaduan.

"Peranan pendidikan tidak seharusnya diletakkan kepada guru 100 peratus tetapi juga memerlukan kerjasama daripada ibu bapa, keluarga, jiran tetangga, pimpinan masyarakat dan pihak berkuasa yang rapat dengan masyarakat.

"Membebaskan kejahilan adalah usaha penting yang perlu kita lakukan kerana kejahilan akan melahirkan masyarakat yang lemah dan tidak mampu menyumbang kepada pembentukan bangsa," katanya.

Pembangunan Bumiputera: Selangor-Putrajaya senada

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri akan melihat dengan lebih terperinci dapatan hasil pembentangan Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018; Mendepani Cabaran Bumiputera Dalam Malaysia Baharu untuk dimanfaatkan bagi rakyat, di Selangor.

Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nor Azmie Diron berkata, Selangor mengambil pendirian untuk bergerak seiring dengan Kerajaan Persekutuan khususnya menerusi pelan pembangunan yang bakal dibentangkan dalam Belanjawan 2019.

"Tentunya dapatan hasil daripada forum ini akan kita gunakan sebaik mungkin supaya apa yang dilaksanakan di Selangor seiring dengan Kerajaan Persekutuan.

"Kita tahu lebih 1/5 daripada

Kita tahu lebih 1/5 daripada rakyat Malaysia berada di Selangor, maka dengan sendirinya apa yang kita lakukan harus seiring dengan gagasan Kerajaan Persekutuan

NOR AZMIE DIRON
Pegawai Kewangan Negeri

rakyat Malaysia berada di Selangor, maka dengan sendirinya apa yang kita lakukan harus seiring dengan gagasan Kerajaan Persekutuan," katanya.

Menyentuh soal kupasan perbincangan dan ucapan yang diberikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau mengakui tertarik dengan aspek sumbangan rakyat kepada negara.

Katanya, teguran Dr Mahathir itu memerlukan perhatian serius khususnya kegagalan melaksanakan projek atau kontrak yang dianugerahkan supaya amalan pelobi atau orang tengah demi meraih keuntungan dapat dihindarkan.

"Kritikan dan nasihat diberikan Perdana Menteri perlu diberikan perhatian serius.

"Kita sebagai rakyat Malaysia harus memberikan perhatian serius bagaimana kita boleh memberikan sumbangan kepada negara dalam sebarang bentuk," katanya.



DNS lulus pindaan Rang Undang-Undang Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor)

Selangor pertama selaras had umur minimum perkahwinan

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Dewan Negeri Selangor (DNS) meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (Pindaan 2018) antara lain menyelaraskan had umur minimum perkahwinan orang Islam daripada 16 ke 18 tahun, pada 5 September lalu.

Speaker DNS, Ng Suee Lim mengumumkan selepas disokong sebulat suara Ahli DNS.

Seksyen 8 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 menetapkan umur minimum perkahwinan bagi lelaki Islam tidak kurang daripada 18 tahun, manakala perempuan Islam pula tidak kurang daripada 16 tahun.

RUU itu dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, bagi melindungi kepentingan pasangan yang berkahwin seperti dititahkan Duli Yang Maha Mulia Sultan (DYMM) Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sebelum ini.

"Menjunjung titah DYMM Sultan Selangor, maka pada awal Julai lalu satu perbincangan dilaksanakan di bawah anjuran Jabatan Kehakiman, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta membabitkan pelbagai



Sultan Sharafuddin Idris Shah mencemar duli ke Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor ke-14 Tahun 2018

agensi kerajaan seperti Jabatan Pendidikan juga Jabatan Mufti bagi mencadangkan kaedah penyelesaian," katanya.

Amirudin berkata, RUU itu juga diperkemas supaya perkahwinan kanak-kanak perempuan di

bawah umur 18 tahun tidak bercanggah dengan hukum syarak selain menjaga kebajikan mereka.

Beliau berkata peruntukan itu juga selaras dengan tafsiran kanak-kanak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperun-

tukkan bahawa kanak-kanak ialah seorang berumur bawah 18 tahun.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin berkenan dengan cadangan menyelaraskan had umur minimum perkahwinan pasangan Islam lelaki dan perempuan di negeri itu dinaik-

Beta memandag serius kes seperti ini kerana bimbang risiko kemudaratan masa depan pasangan terbabit dan kesannya kepada masyarakat

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH
DYMM Sultan Selangor

kan daripada 16 kepada 18 tahun.

Baginda memandag serius kes perkahwinan kanak-kanak Islam pada usia terlalu muda khasnya kanak-kanak perempuan.

"Beta memandag serius kes seperti ini kerana bimbang risiko kemudaratan masa depan pasangan terbabit dan kesannya kepada masyarakat.

"Oleh itu, beta menitahkan MAIS dan JAIS untuk menyemak semula undang-undang dalam kalangan orang Islam sedia ada di Selangor serta membuat cadangan penambahbaikan jika perlu," titah baginda.

Bangga kekal penyumbang KDNK terbesar

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa bangga atas kejayaan Selangor kekal sebagai penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terbesar di negara ini, tahun lalu.

Dengan peningkatan KDNK, baginda percaya Selangor akan menjadi tumpuan utama pelabur domestik dan asing untuk terus melabur, di negeri termaju itu.

"Beta berasa bangga kerana Selangor adalah penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia

iaitu sebanyak 23 peratus.

"Dua sektor utama menggerakkan pembangunan ekonomi ialah perkhidmatan swasta dan pembuatan yang menyumbang 83.9 peratus kepada keseluruhan KDNK diikuti sektor pembinaan, perkhidmatan kerajaan, perta-

nian, perlombongan serta kuari," titah baginda ketika Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor ke-14 Tahun 2018, di sini, pada 3 September lalu.

Sultan Sharafuddin bertitah,

pertumbuhan ekonomi negeri dilihat terus kukuh pada kadar 7.1 peratus tahun lalu berbanding 4.8 peratus, pada 2016.

"la juga merekodkan prestasi melebihi paras nasional iaitu pada kadar 5.9 peratus," titah baginda.

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib : hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor : hayati@mediaselangor.com,

Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

Nadiah Zamli : sitinadiah@mediaselangor.com

Zareef Muzammil : zareefmuzammil@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN:

Nadhran Azlan : nadhran@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)

Shafiq Hamsi : shafiqhamsi@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Pindaan enakmen lindungi masa depan remaja

SHAH ALAM - Pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) bagi perkahwinan membabitkan remaja berusia 16 hingga 18 tahun menjadikan Selangor negeri pertama meluluskannya, kata Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Ng Suee Lim.

Katanya, perkara terbabit adalah antara titah utama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada hari pertama perasmian Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri

Selangor ke-14 Tahun 2018, bermula 3 September lalu.

"Dengan kelulusan pindaan ini, maka Selangor kerajaan pertama meluluskan undang-undang yang lebih holistik dan komprehensif.

"la bertujuan melindungi anak dan remaja, sekali gus mengelakkan masa depan mereka terjejas," katanya ketika ditemui Selangor-Kini.

Pada masa sama, Suee Lim turut mengulas titah baginda berhubung isu pelaburan yang semakin baik, di Selangor.

"Justeru itu, kita perlu menggem-



Ng Suee Lim

blangkan tenaga supaya pelaburan lebih banyak masuk ke Selangor, sekali gus menjana lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.

Pelaburan 35 projek perkilangan

Sultan Sharafuddin berkenan pelaburan lebih RM812.6 juta

OLEH HAFIZANTAIB dan NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan dengan pencapaian pelaburan Selangor bernilai RM812,649,654 bagi tempoh Januari hingga Mac lalu.

Baginda bertitah, pelaburan mem-babitkan 35 projek perkilangan itu merangkumi 53 peratus pelaburan tempatan, manakala 47 peratus adalah pelaburan asing.

"Selangor kekal menjadi pilihan pelabur pada 2017 dengan Jepun mencatatkan pelaburan tertinggi iaitu RM533 juta diikuti Singapura dengan pelaburan RM439 juta, sementara China sebanyak RM282 juta.

"Statistik ini membuktikan pelabur selesa dan yakin dengan dasar pentadbiran negeri untuk mereka terus melabur dan membuat penambahan pelaburan, di Selangor," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor ke-14 Tahun 2018, di Dewan Annex, di sini, baru-baru ini.

Sultan Sharafuddin turut bertitah, Kerajaan Negeri diterajui Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, diharap bersedia menghadapi cabaran baharu dalam era revolusi industri 4.0 yang sedang berkembang, di peringkat global.



"Beta percaya peralihan ini dapat mengurangkan kos dan kebergantungan terhadap penggunaan tenaga buruh seterusnya meningkatkan pendapatan negeri," titah baginda.

Baginda bertitah, era revolusi itu satu cabaran baharu yang perlu dihadapi seluruh negara dan mengalu-alukan sebarang inisiatif melalui penggubalan dasar, strategi dan kerangka perundangan untuk mendepaninya.

"Beta berkenan akan pelaksanaan dasar mesra pelabur dan kestabilan polisi Kerajaan Negeri menjadikan Selangor antara destina-

si pelaburan utama, di Malaysia.

"Faktor ini dikukuhkan lagi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti lengkap selain wujudnya ekosistem kondusif yang menjadi pendorong kepada pelabur memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan mereka," titahnya.

ADN perlu ambil maklum titah nasihat

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) perlu mengambil maklum titah nasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sempena Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-14 Tahun 2018, di sini, pada 3 September lalu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, semua ADN juga perlu menjunjung kasih atas titah baginda.

"Nasihat yang diberikan tuanku walaupun ringkas, namun padat untuk kita fahami.

"Antara intipatinya ialah supaya Ahli DNS meningkatkan kemajuan dan mengelakkan politik kotor sehingga tidak membawa kebaikan kepada sesiapa," katanya kepada Selangor-Kini.



Amirudin berkata, harapannya bagi sidang kali ini ialah melengkapkan perancangan 2018, sekali gus membolehkan Kerajaan Selangor terus menjadi kerajaan berhemah.

"Pada sidang kali ini juga tiada langkah baru diambil, namun saya akan umumkan perkara baru ketika sidang belanjawan akan datang," katanya.

Jangan amal politik sempit

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya Ahli Dewan Negeri (ADN) tidak mengamalkan politik sempit.

Baginda bertitah, politik sempit hanya menyumbang kebencian, fitnah dan menimbulkan salah faham antara satu sama lain.

"Beta mendoakan persidangan kali ini akan lebih bersifat kesetiaan kepada Selangor, patriotik, harmoni dan memupuk semangat muafakat dalam kalangan ADN tanpa mengira bangsa serta agama," titah baginda ketika Istiadat Perasmian Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor (DNS) ke-14 Tahun 2018, di sini.

Pada masa sama, Sultan Sharafuddin turut berkenan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi keselamatan yang bekerja keras memastikan pilihan raya umum lalu berjalan lancar.

"Beta berdoa semoga Selangor dan seluruh rakyat terus mendapat perlindungan Allah SWT selain sentiasa berusaha menjamin keamanan serta kemakmuran yang dapat diwariskan kepada generasi

seterusnya," katanya.

Terdahulu, pembukaan persidangan DNS berlangsung penuh istiadat yang dirasmikan baginda.

Turut berangkat, DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Istiadat bermula dengan Kawalan Kehormat Utama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menyembahkan Hormat Sedia sebaik sahaja keberangkatan tiba baginda sebelum disusuli lagu Negeri Selangor.

Selepas itu, baginda melakukan pemeriksaan perbarisan diiringi Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dan Speaker DNS, Ng Suee Lim.

Selesai pemeriksaan perbarisan, lagu Negeri Selangor sekali lagi berkumandang menandakan berakhirnya upacara perbarisan yang diadakan, di Dataran Dewan Negeri itu.

Baginda kemudian berangkat masuk ke bangunan DNS dengan melalui barisan pejabat istana yang terdiri daripada empat pejabat berpedang, 24 pejabat pembawa lapan tombak, 16 lembing dan payung di-

kalista

Park Homes @ Bukit Rahman Putra
Pegangan Bebas | Hanya 46 Unit

Satu Kediaman.

Tiga Generasi. Kerianan Tanpa Batas.

Kalista Park Homes mempunyai suasana indah di dalam kawasan berpagar dan berpengawal. Manjakan diri anda dan bersantai di kawasan kejiranan yang eksklusif dan moden serta mempunyai kawasan rekreasi persendirian.

RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT

- 6 + 1 Bilik Tidur
- Sehingga 4,600 Kaki Persegi

RUMAH TERES 3 TINGKAT

- 4 + 1 & 5 + 1 Bilik Tidur
- Sehingga 4,200 Kaki Persegi

7% BUMI DISKAUN

Hubungi Sekarang!

03-2718 1771 | kalista.com.my

Pemaju: Crystal Hallmark Sdn Bhd (1091990-A) | Level 30, Menara Allianz Sentral, No. 203, Jalan Tun Sambanthan, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.
Pemaju: Crystal Hallmark Sdn Bhd (1091990-A) • Lesen Pemaju: 34620-1/2012-2018/007 (3) • Tempoh Sah: 05/01/2017 - 04/01/2019 • Permit Bina & Jual: 34620-1/2012-2018/007 (7) • Tempoh Sah: 05/01/2017 - 04/01/2019 • Pajakan Tanah: Pegangan Bebas • Selatun Tanah: Tidak • Cagarun Tanah: Tidak • Pihak Bertuas yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Shah Alam • No Rujukan: MSA/RGN/1600-1/PS/SEC/02/0118-2018 • Tarikh Jangka Slip: Januari 2019 • Jenis Pemajuan: Rumah Berkembar 3-tingkat • Jumlah Unit: 38 • Harga Jual: (Min) RM42,494,800 • (Max) RM43,993,800 • Keluasan Binaan: (Min) 4,500 kaki persegi • (Max) 4,600 kaki persegi • Keluasan Tanah: 40' x 85' • Jenis Pemajuan: Rumah Teres 3-tingkat • Jumlah Unit: 28 • Harga Jual: (Min) RM42,641,800 • (Max) RM42,641,800 • Keluasan Binaan: (Min) 3,800 kaki persegi • (Max) 4,200 kaki persegi • Keluasan Tanah: 24' x 80' • Bumiputera Diskaun: 7%. Semua maklumat yang terdapat di sini termasuk pengumuman dan ilustrasi adalah tertakluk kepada pindaan tanpa pemberitahuan yang diperlukan oleh pihak bertuas atau perancang pemaju dan tidak bertujuan untuk membentuk dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau hubungan. Semua pengumuman adalah anggaran. Semua ilustrasi adalah ilustrasi artistik sahaja. *Terma & syarat ditamatkan.



WiFi percuma

4,000 'hotspot' menjelang akhir 2018

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Pembangunan infrastruktur telekomunikasi melalui capaian jalur lebar (WiFi) di Selangor bakal diperluaskan dengan 4,000 'hotspot' ke seluruh negeri, menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Urusan SMARTSEL Sdn Bhd, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir berkata, sehingga kini jumlah kawasan 'hotspot' di negeri itu adalah 3,600 termasuk, di kawasan luar bandar.

Katanya, pelaksanaan itu menjadi saksi kepada inisiatif Kerajaan Negeri bagi memastikan semua rakyat mendapat akses melalui capaian jalur lebar berkelajuan tinggi secara percuma, sekali gus merapatkan jurang digital di Selangor khususnya.

"Justeru, kami sudah memilih beberapa kawasan terutama di kawasan luar bandar bagi membangunkan dan menambahbaik perkhidmatan internet ini.

"Sudah pasti kawasan terbabit adalah yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di bandar dan stadium serta kampung.



Amirudin pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) SMARTSEL Sdn Bhd dan Korea Telecom (KT) Corporation, baru-baru ini

"Bagaimanapun, beberapa perkara perlu ditangani dahulu seperti permasalahan yang timbul ketika penggunaannya, sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Menandatangani Memorandum Perse-

fahaman (MoU) SMARTSEL Sdn Bhd dan Korea Telecom (KT) Corporation, pada 30 Ogos lalu.

Turut hadir menyaksikan pertukaran dokumen MoU itu ialah Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari; EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal

Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian serta Naib Presiden Perniagaan Global KT Corporation, Byeong Moo Lee.

Pada masa sama, Mohamad Suhaimi berkata, penambahan kawasan 'hotspot' itu penting dalam menangani kekangan ca-

paian perkhidmatan jalur lebar berkenaan.

"Disebabkan perkhidmatan ini percuma, kami tidak menafikan bahawa ramai yang menggunakannya dan buat masa ini untuk setiap 'hotspot' hanya dihadkan kepada 30 pengguna, pada satu tempoh masa," katanya.

Beliau berharap, dengan termentainya MoU itu bakal memberi peluang kepada Selangor untuk menerokai bidang teknologi digital seiring dengan hasrat mencapai status 'Smart State', menjelang 2025.

Katanya, SmartSel juga mahu menyediakan perkhidmatan jalur lebar lebih pantas meliputi kawasan yang lebih luas dan lebih murah bukan sahaja di bandar, bahkan di luar bandar.

Terdahulu, SMARTSEL adalah anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Selangor, manakala KT Corporation adalah penyedia perkhidmatan telekomunikasi terbesar di Korea Selatan dan antara pemain utama teknologi global yang menyediakan penyelesaian teknologi inovatif.

Kaji kadar kompaun salah guna tanah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengkaji semula kadar kompaun bagi penyalahgunaan tanah khususnya bagi menjalankan aktiviti pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, hal itu kerana kompaun yang dikenakan adalah rendah ketika ini serta kurang efektif.

"Kerajaan Negeri sukar untuk menahan pelaku tetapi pemantauan berkala dilakukan berterusan dalam membendung aktiviti itu.

"Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan pemantauan, bahkan jika pelaku ditahan, maka tindakan boleh dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima lawatan delegasi International Federation of Library Association (Ifila), di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Pada masa sama, Loy Sian berkata, Kerajaan Negeri mengenal pasti beberapa kawasan pembakaran terbuka yang kerap berlaku antaranya Taman Sri Serdang, Johan Setia dan Semenyih.

Katanya, Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan isu membabitkan pencemaran ter-

Jabatan Alam Sekitar dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan pemantauan, bahkan jika pelaku ditahan, maka tindakan boleh dilakukan

HEE LOY SIAN

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi

buka.

"Baru-baru ini, kes diterima di Semenyih iaitu pelupusan sampah membabitkan longgokan tayar dibakar yang mengambil masa dua hari untuk dipadamkan.

"Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kaedah efektif yang bersesuaian bagi mengekang masalah sama daripada berulang," katanya.

Beliau turut mengharapkan kerjasama daripada penduduk setempat dalam menyalurkan maklumat.



KDEBWM komited uruskan sampah kawasan berstrata PJ

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) komited menyelesaikan isu kutipan sampah khususnya 64 kawasan berstrata (berstrata), sekitar Petaling Jaya.

Pengarah Urusannya, Ramli Mohd Tahir berkata, pihaknya akan melaksanakan kutipan setiap hari di rumah sampah berbanding tiga kali seminggu yang dilaksanakan, sebelum ini.

"Isu sampah di kawasan berstrata tidak lagi asing dan kita tahu kebimbangan orang ramai akan kemampuan KDEBWM menyelesaikan masalah sampah ini.

"Kita mengambil maklum penjawatan sampah setiap hari tinggi kerana jumlah penduduk yang

ramai, di kawasan ini.

"Namun, KDEBWM akan memastikan rumah sampah di kawasan ini dikutip, setiap hari," katanya.

Ramli berkata, setakat ini pihaknya turut berjaya mengendalikan kutipan sisa pepejal di kawasan berstrata Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Di kawasan berstrata contohnya di MPAJ, KDEBWM mempunyai jumlah peralatan, tong dan lori yang cukup. Jadi, tiada masalah untuk mengendalikan kutipan," katanya.

Pada masa sama, Ramli berkata, KDEBWM menasarkankan penurunan sebanyak tujuh aduan sehari, di Petaling Jaya.

Katanya, sasaran itu berdasar-

kan jumlah penduduk yang ramai.

"Di kawasan Klang contohnya, hanya tiga aduan maksimum bagi sehari. Oleh itu, di Petaling Jaya ini, kita jangka ia akan menurun kepada tujuh sehari," katanya.

Mulai 1 Ogos lalu, KDEBWM mengambilalih perkhidmatan pengurusan kutipan sampah domestik dan pembersihan awam secara berperingkat, di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Sebanyak 97 kawasan membabitkan 53 kawasan disediakan lori kompaktor bagi kutipan sampah domestik dan 44 lori 'amroll' bagi pembersihan awam.

Malaysia-Singapura sepakat

Setuju tangguh pembinaan HSR ke Mei 2020

OLEH NAZLI IBRAHIM

PUTRAJAYA - Singapura bersetuju menangguhkan pembinaan Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur-Singapura (HSR) sehingga akhir Mei 2020, kata Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, ekoran permintaan Malaysia untuk menangguhkan projek itu, maka kerajaan bersetuju membayar kos abortif sebanyak S\$15 juta kepada Kerajaan Singapura, pada 31 Januari 2019.

"Ketika pertama kali bertemu Menteri Pengangkutan dan Menteri Penyelaras Infrastruktur Singapura, Khaw Boon Wan, saya menyampaikan mandat daripada Kabinet Malaysia bahawa kami ingin projek itu ditangguhkan sekurang-kurangnya tiga hingga empat tahun," katanya lapor BER-

NAMA dalam satu sidang media bersama dengan Khaw, di sini, pada 5 September lalu.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, beliau bersetuju dengan Khaw bahawa jika tempoh penangguhan itu melebihi dua tahun, maka model perniagaan berkenaan pasti akan berubah dengan kos yang terus meningkat.

Terdahulu, Azmin dan Khaw menukar dokumen undang-undang di Putrajaya untuk mengubah Perjanjian Dua Hala HSR berdasarkan pemahaman baru.

Pemeteraian perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Teo Chee Hean.

Berhubung kemungkinan Malaysia membatalkan projek itu, Mohamed Azmin berkata: "Saya tidak mahu membuat kesimpulan

kerana perjanjian ditandatangani hari ini (5 September) dengan jelas menyatakan komitmen kami untuk meneruskan projek itu, selepas Mei 2020."

Sementara itu, kenyataan bersama Malaysia dan Singapura berhubung projek HSR berkata, Malaysia juga akan menanggung kos yang dipersetujui Singapura dalam memenuhi Perjanjian Dua Hala HSR jika Malaysia tidak meneruskan projek HSR, pada 31 Mei 2020.

"Ketika tempoh penangguhan itu, Malaysia dan Singapura akan terus membincangkan cara terbaik untuk Projek HSR dengan tujuan mengurangkan kos," kata kenyataan itu.

Kata kenyataan itu, Perkhidmatan Ekspres HSR antara Singapura dan Kuala Lumpur dijangka bermula 1 Januari 2031 bukannya tarikh asal, pada 31 Disember 2026.



Tekad pastikan ekonomi Malaysia berdaya tahan

SHAH ALAM - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bertekad memastikan ekonomi Malaysia terus berdaya tahan, mampan dan berkembang maju seiring kemerdekaan negara, kali ke-61.

Menterinya, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, isu ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, jurang antara kumpulan pendapatan, kadar pengangguran belia yang tinggi dan peningkatan kos sara hidup akan terus menjadi keutamaan pihaknya.

Katanya, hal itu kerana ekonomi memainkan peranan penting dalam memastikan kemerdekaan sesebuah negara kekal utuh dan menjadi cegah rintang daripada anasir tidak diinginkan.

"Syukur ke hadrat Allah SWT kerana tahun ini kita masih ber-

peluang menyambut ulangtahun kemerdekaan kali ke-61, apatah lagi ia disambut dalam era Malaysia Baharu.

"Semoga kemerdekaan ke-61 ini akan menjadi titik tolak kepada permulaan pertumbuhan ekonomi yang rancak, sekali gus memberi erti lebih bermakna di sebalik laungan Merdeka," katanya dalam kenyataan.

Mohamed Azmin berkata, kejayaan sesebuah negara bergantung kepada keharmonian serta kestabilan ekonomi yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Seperti yang diungkapkan ahli ekonomi terkemuka dunia, Milton Friedman pada 1962, penyusunan ekonomi memainkan peranan besar untuk mengisi aspirasi kemerdekaan yang dicapai bapa pengasas Malaysia.

Petronas bayar dividen RM24 bilion

KUALA LUMPUR - Petrolia Nasional Bhd (Petronas) menyemak semula jumlah pembayaran dividen untuk kerajaan kepada RM24 bilion tahun ini daripada RM19 bilion yang diumumkan, pada Mac lalu.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berkata kenaikan itu didorong oleh peningkatan harga minyak serta pendapatan kumpulan berkenaan.

"Pada separuh pertama 2018, Petronas merekodkan perolehan sebanyak RM117.2 bilion iaitu peningkatan 8.0 peratus berbanding RM108.1 bilion bagi tempoh sama, pada 2017.

"Ini didorong oleh tumpuan berterusan kumpulan ini terhadap usaha memacu kecermerlangan operasi dan pelaksanaan inisiatif penambahbaikan perniagaan, disokong

oleh harga komoditi dan margin yang lebih tinggi," katanya lapor BERNAMA.

Pada 2017, pembayaran dividen Petronas kepada kerajaan berjumlah RM16 bilion. Keuntungan bersih kumpulan itu meningkat 54 peratus kepada RM26.6 bilion berbanding RM17.3 bilion, pada separuh pertama 2017.

Wan Zulkiflee berkata, Petronas turut menjangkakan purata harga minyak mentah Brent mencecah di bawah AS\$73 setong, menjelang akhir tahun ini.

"Bagaimanapun, mengambil kira pandangan konservatif untuk perancangan perbelanjaan bagi 2019, kami menjangkakan minyak mentah Brent itu berada sekitar AS\$66 setong bagi purata tahunan ekoran ketidakpastian bekalan dan permintaan," katanya.

Kumpulan Perangsang Selangor catat untung

KUALA LUMPUR - Kumpulan Perangsang Selangor Bhd (KPS) mencatat keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM39.43 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2018 berbanding RM35.59 juta, setahun sebelumnya.

"Keuntungan itu dicapai dengan hasil lebih tinggi RM161.28 juta berbanding RM75.95 juta sebelumnya," katanya dalam

makluman kepada Bursa Malaysia.

Perolehan asas sesaham naik kepada 7.1 sen daripada 6.5 sen, sebelum ini.

KPS berkata, hasilnya meningkat lebih dua kali ganda disebabkan sumbangan subsidiari perkilangan baru CPI (Penang) Sdn Bhd dan King Koil Manufacturing West LLC serta sumbangan kukuh anak syarikat pembinaan KPS- HCM Sdn Bhd.

BERSEBELAHAN STESEN MRT

Bumi Unit Dibuka Untuk Jualan

DIANTHUS
SERVICED RESIDENCES

CYPERUS
SERVICED RESIDENCES

BAYBERG
SERVICED RESIDENCES

ARNICA
SERVICED RESIDENCES

Stesen MRT
Stesen Surian

010 252 6668
tropicangardens.com.my

Tropicana Indah Sdn. Bhd. 213350-D

Galeri Jualan
Tropicana Gardens Property Gallery
Jalan PJU 3/21, Kota Damansara, 47410 Petaling Jaya, Malaysia.
T +603 7880 0989 E enquiry@tropicana.com.my
GPS Coordinate N3.148808 E101.590999
Waze TROPICANAGARDENS

No. Lesen Pemaju: 6467-14/09-2018/02239(L) Tempoh Sah: 28/9/2017-27/9/2018 No. Permit Iklan & Jualan: 6467-14/09-2018/02239(P) Tempoh Sah: 28/9/2017-27/9/2018 Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) No. Ruj. Petan Bangunan: MBPJ/120100/TP/10/395/2016 Pelesenan Tanah: 99 tahun (amat 24/4/2106) Jumlah Unit: 271 unit Baki Unit: 124 unit Jenis Bangunan: Pangsapuri Servis Keluasan Bangunan Baki unit: 601 kps (min) - 406 kps (maks) Harga Jualan Baki Unit: RM903,840 (min) - RM2,219,840 (maks) Tarikh Dijangka Siap: Jun 2020 Cagaran Tanah: OCBC Bank (Malaysia) Berhad 7% Diskaun Bumiputera Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri



Biasiswa pelajaran

Bantu Bumiputera terokai sektor baharu

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Langkah Kerajaan memperkenalkan biasiswa pelajaran tanpa merit kepada Bumiputera bagi menyambung pelajaran di dalam dan luar negara sebenarnya memberikan impak positif tanpa disedari pelbagai pihak.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, biasiswa itu tidak hanya diberikan kepada

calon yang mendapat keputusan tertinggi tetapi turut dibuka kepada calon lain kerana mereka juga berpotensi berjaya.

"Dapat nombor dua, tiga, empat atau lima juga mempunyai kelebihan. Kita beri biasiswa tidak hanya kepada nombor satu tetapi yang lain dan mendapat peluang belajar di universiti dalam dan luar negeri.

"Walaupun bukan dalam kelas

terbaik tetapi keputusan mereka menggalakkan serta berjaya dalam peperiksaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Kongres Masa Depan Bumiputera & Negara 2018; Mendepani Cabaran Bumiputera Dalam Malaysia Baharu, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pada 1 September lalu.

Sebagai contoh beliau berkata, dahulu hanya golongan Bu-



miputera dan Melayu yang berjaya menjadi doktor sekitar dua peratus tetapi jumlah itu berjaya ditingkatkan kepada 40 peratus hasil daripada pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Keadaan itu turut dipengaruhi dengan mentaliti diterapkan penjajah British yang hanya me-

ngambil orang Melayu memenuhi jawatan kerani satu ketika dahulu.

"Hasil DEB, ramai berkebolehan dan berjaya mencipta kejayaan. Walaupun ada yang anggap tidak adil beri biasiswa kepada orang tanpa menggunakan merit," katanya.



Dr Mahathir menyampaikan ucapan perasmian Kongres Masa Depan Bumiputera & Negara 2018, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

Peluang sama rata untuk berjaya

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membidas segelintir pihak menuduh kumpulan yang berjaya sebagai 'kroni kerajaan' sedangkan peluang diberikan sama rata kepada semua Bumiputera.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) membuka peluang kepada golongan Bumiputera berusaha melakar kejayaan bagi meningkatkan pendapatan tetapi hanya segelintir yang serius melaksanakan projek diberikan sehingga berjaya.

"Inilah hasil DEB, ramai yang berkata ia diberi kepada kroni, ia satu kesalahan. Sebenarnya, ramai mendapat peluang tetapi tidak berjaya.

"Daripada 100 hanya empat atau lima orang berjaya tetapi itulah yang digelar kroni kerajaan.

"Yang dapat peluang dan gagal itu lebih ramai tetapi ditakrif sebagai bukan kroni kerajaan. Mudah menuduh ia sebagai kronisme kerana memberi pertolongan kepada yang berjaya.

"Melihat yang berjaya ini, timbul rasa iri hati dan terus kecam

kerajaan mengamalkan kronisme.

"Sebenarnya, kalau tak nak dituduh kronisme, maka kita kena pastikan semua gagal. Maka tidak dipanggil sebagai kroni," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan dasar pemberian kontrak menerusi rundingan terus bagi membolehkan lebih ramai Bumiputera mendapat peluang selain mewujudkan 'Approval Permit' (AP) dan lesen walaupun keadaan itu menimbulkan rasa kurang senang kaum lain.

Yang dapat peluang dan gagal itu lebih ramai tetapi ditakrif sebagai bukan kroni kerajaan. Mudah menuduh ia sebagai kronisme kerana memberi pertolongan kepada yang berjaya.

TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri

Demi masa depan negara, bukan aniaya kaum lain

KUALA LUMPUR - Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menjelaskan, beliau tidak bersikap apologetik untuk menegaskan Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara 2018; Mendepani Cabaran Bumiputera Dalam Malaysia Baharu bertujuan untuk mencari jalan membela nasib Bumiputera.

Katanya, kongres itu bukan untuk membincangkan perihal satu kaum dan menganiaya kaum lain tetapi ia membicarakan masa depan negara serta memastikan pengagihan kekayaan ekonomi yang adil buat semua.

"Kita menyedari bahawa 71 peratus daripada kumpulan B40 adalah golongan Bumiputera.

"Peratusan itu bukan sahaja mencatatkan jumlah besar, namun purata pendapatan isi rumah Bumiputera hanya mencatatkan RM2,400 berbanding bukan Bumiputera RM3,400.

"Hasrat kita adalah mencari usaha bagaimana golongan B40

Kongres ini bukan untuk membincangkan perihal satu kaum dan menganiaya kaum lain tetapi membicarakan masa depan negara serta memastikan pengagihan kekayaan ekonomi yang adil buat semua

MOHAMED AZMIN
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Bumiputera boleh diberdayakan untuk memasuki kelas menengah.

"Ini akan meningkatkan kuasa beli Bumiputera, menjana pertumbuhan mampan dan akhirnya memberikan manfaat kepada ekonomi negara secara keseluruhannya," katanya.

Berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), beliau turut membangkitkan persoalan sama ada menjadi satu kesalahan kepada kongres untuk memberdaya golongan Bumiputera yang berintegriti, berkemahiran dan progresif demi kemakmuran negara.

Dalam sidang media sama, beliau turut yakin dengan keupayaan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memberikan pandangan memberdaya ekonomi Bumiputera berdasarkan pengalaman dalam kerajaan serta menerajui pelbagai kementerian dahulu.

"Kita memerlukan sokongan dan dokongan daripada semua pemegang taruh. Letakkan harapan kepada mereka yang layak. Harapan itu akan digalas dengan jujur dan amanah oleh kerajaan baru Pakatan Harapan.

"Saya sudah berkhidmat dengan Anwar Ibrahim sekian lama. Saya tahu jiwanya, saya tahu wataknya, saya tahu siapa Anwar Ibrahim," katanya.

Sokong batal projek 'untung' singkat

KUALA LUMPUR - Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyokong langkah kerajaan untuk membatalkan projek jika berlaku urusan pindah milik demi mendapatkan keuntungan singkat, namun kesalahan juga perlu diletakkan kepada pihak memberi kontrak yang sedia maklum berhubung kelemahan penerima kontrak.

"Apabila kita menyatakan jika ada kontrak, jika dijual memang benar salah penjual tetapi benar juga salah mereka yang menga-nugerahkannya.

"Sudah tahu dia kaki songlap yang nak beri kontrak buat apa, dah tahu jual AP yang nak bagi kepada ketua cawangan, bahagian dan cabang ini kenapa?" katanya.

Anwar berkata demikian dalam ucapan penutup Kongres Masa Depan Bumiputera & Negara 2018; Mendepani Cabaran Bumiputera Dalam Malaysia Baharu, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Pada masa sama, Anwar berkata, beliau sedia untuk 'ber-

sama' pembangkang menegur kerajaan jika berlaku kecuai-an dalam pentadbiran.

Beliau yang memberikan bimbingan untuk kembali ke Dewan Rakyat dalam masa terdekat sebagai Ahli Parlimen berkata, pengalaman sebagai Ketua Pembangkang dahulu menyebabkannya meneliti setiap helai-an Laporan Ketua Audit Negara dan menggunakannya sebagai 'peluru' menyerang kerajaan.

Selain itu, beliau juga boleh mendapatkan maklumat beberapa perkara menerusi Ketua Pengarah Governans, Integriti dan Anti Rasuah Negara (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

"Sekarang, saya hendak ingatkan menteri, giliran pembangkang membaca laporan audit dan mereka serang kita jika cuai.

"Dan saya akan masuk Parlimen dalam tempoh singkat ini jika menang. Jika serangan pembangkang itu tepat dan ada kerosakan penyelewengan serta kecuai-an pada menteri, maka saya akan bersama mereka untuk turut menyerang," katanya.

Kekang budaya 'untung segera'

Teliti tubuh Akta Sabotaj Ekonomi

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan sedang meneliti langkah menggubal peruntukan Akta Sabotaj Ekonomi bagi mengekang tindakan meraih keuntungan segera menerusi penjualan kontrak dan Permit Import (AP).

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kabinet mengambil perhatian kepentingan cadangan itu selain masih dalam peringkat rundingan dengan pihak berkuasa berkaitan.

"Mana-mana kontrak dianugerahkan kepada syarikat tetapi kepentingannya dipindahkan atau dijual kepada pihak lain, tidak boleh berlaku sama sekali.

"Oleh itu, kita dalam peringkat perbincangan dengan pihak berkuasa berkaitan untuk menggubal peruntukan undang-undang Akta Sabotaj Ekonomi," katanya pada sidang media selepas penutupan Kongres Masa Depan Bumiputera dan Negara, pada 1 September lalu.

Terdahulu, pada sesi pembentangan sebelah pagi, Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed,



mengusulkan cadangan pelaksanaan akta terbabit bagi mengherat pesalah ke muka pengadilan.

Beliau dilaporkan berkata, pelbagai keistimewaan menerusi penganugerahan kontrak dan AP diberikan kepada Bumiputera, selaras peruntukan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan.

"Sejak 1970-an, kita ada dasar ekonomi untuk Bumiputera mengikut Perlembagaan Persekutuan, namun tiada tindakan diambil terhadap individu yang mengkhianatinya," katanya.

Perkhidmatan telekomunikasi prabayar tiada SST

PUTRAJAYA - Semua perkhidmatan telekomunikasi prabayar untuk pelanggan rakyat Malaysia diarahkan supaya dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dalam satu kenyataan media memaklumkan, ia perlu untuk mengatasi masalah daripada syarikat telekomunikasi yang menghadapi kesukaran untuk mengubah sistem mereka dengan segera.

Kata kenyataan itu lagi, kaedah lain akan diumumkan kemudian untuk syarikat terbabit supaya pihak kerajaan tidak kerugian dalam usaha untuk memastikan pelanggan mendapat nilai penuh untuk

Melalui pengecualian ini, pelanggan perkhidmatan telekomunikasi prabayar akan mendapat nilai kredit sepenuhnya apabila membuat tambah nilai dan tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

bayaran yang dibuat.

"Pengecualian ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan berkuatkuasa, mulai 6 September ini.

"Melalui pengecualian ini, pelanggan perkhidmatan telekomunikasi prabayar akan mendapat nilai kredit sepenuhnya apabila membuat tambah nilai dan tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan," kata kenyataan itu, di sini, pada 5 September lalu.

Kenyataan itu berkata, semua syarikat telekomunikasi perlu mengambil tindakan yang sewajarnya dengan segera dalam mematuhi penempatan pengecualian cukai perkhidmatan berkenaan.



KUIZ PERKATAAN TERSEMBUNYI

Kami menganugerahkan Hadiah Utama RM150,000*



DIBAYAR DALAM TEMPOH 14 HARI

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Rebut peluang anda dan selesaikan kuiz!

Apakah nama 4 negeri di Malaysia di bawah dan tuliskan pada petak kosong di sebelah kanan. Apabila semua jawapan telah anda tuliskan, pada petak kuning anda akan mengetahui perkataan KUNCI yang dikehendaki.

Dengan perkataan yang betul anda berpeluang memenangi RM150,000!

A	K	S	A	R	A	W	▶					1		
A	K	P	E	R			▶					2		
A	N	K	E	L	A	N	T	▶				3		
N	G	P	A	H	A		▶					4		

JIKA ANDA MENEMUI KATA KUNCI ITU - TAHNIAH!

Telefon **03-27166363** atau lengkapkan kupon sekarang dan ketahui cara untuk memenangi hadiah!

Dato' Jalaludin Hassan
Selebriti & Data Best Products

BNM/08/04-2018

Pusat Panggilan: 03-2716 6363
Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

KUPON PENYERTAAN
ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12366,
50776 KUALA LUMPUR.

YA saya menemui perkataan KUNCI: [1] [2] [3] [4]

YA, saya ingin berpeluang memenangi RM150,000.

YA, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.

No. kod: 3.6328.060918.29.7.2

Nama Penuh:

Jantina: Lelaki Perempuan

Tarikh Lahir: | | - | | - | | | |
Hari Bulan Tahun


Alamat:

Poskod: | | | | | Bandar:

Nombor Telefon: Rumah: | | | | |
Bimbit: | | | | |

Emel:

Tandatangan:


3.6328.060918.29.7.2

TERIMA!
Katalog Terbaru
"Best Products"

BARU!
HANTAR KUPON
LEBIH PANTAS
MELALUI
WhatsApp

012-622 2330

Amil gambar kupon yang telah dilengkapkan dengan jelas seperti contoh di bawah dan WhatsApp kepada kami.

Sekiranya kupon penyertaan telah dihantar melalui nombor WhatsApp yang diberi, ia tidak perlu dipos lagi.

*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")
1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"), Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 September 2018 hingga 30 November 2018 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Hadiah Utama berupa wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua berupa wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dilengkapkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan kupon dan mengeposnya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam Notis Privasi Syarikat bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau diizinkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemulangan Syarikat dan Notis Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di www.bestproducts.my.



Jika Idlib diserang

Sejuta kanak-kanak bakal terjejas – UNICEF



GENEVA - Lebih sejuta kanak-kanak Syria berhadapan risiko tinggi jika tentera kerajaan melancarkan serangan terhadap wilayah Idlib yang dikuasai kumpulan penentang, kata Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF).

Pengarah program kecemasan UNICEF, Manuel Fontaine, berkata agensi itu merangkap pelan kecemasan termasuk penyediaan air bersih dan bekalan nutrisi ke-

pada anggaran 450,000 hingga 700,000 penduduk yang melarikan diri daripada serangan.

Dianggarkan 2.9 juta penduduk tinggal di Idlib dan separuh daripada mereka berasal dari kawasan lain di Syria apabila penyokong pembangkang melarikan diri ke situ dari wilayah lain yang ditawan tentera kerajaan.

"Ada lebih sejuta kanak-kanak. Apabila mendengar re-

torik berhubung serangan, saya rasa memang penting untuk tahu ia bukan serang sekumpulan lelaki bersenjata.

"Ia sebenarnya sebahagian besar wanita dan kanak-kanak yang tiada kepentingan selain warga tua serta orang lain," katanya selepas berunding, di Damsyik dengan Timbalan Menteri Luar, Faisal Mekdad.

Idlib dan kawasan sekitarnya adalah wilayah besar terakhir dikuasai penentang Presiden Bashar al-Assad.

Sumber memberitahu Assad dalam persediaan melancarkan serangan untuk merampas semula wilayah itu.

Menteri Luar Russia, Sergei Lavrov berkata, kerajaan Syria berhak menghalau penentang keluar dari Idlib dan rundingan berhubung penubuhan koridor kemanusiaan masih diteruskan.

Lima juta mati akibat konflik

PARIS - Kecederaan, penyakit, dan kebuluran yang disebabkan oleh konflik bersenjata di Afrika menjadi penyebab kepada kematian sehingga lima juta kanak-kanak dalam tempoh antara 1995 hingga 2015, kata sebuah kajian semalam.

Daripada jumlah itu, kira-kira tiga juta daripadanya ialah bayi berusia 12 bulan atau lebih muda.

Hasil penyelidikan diterbitkan dalam jurnal perubatan The Lancet itu tidak tertakluk kepada bilangan individu sebenar, tetapi perbandingan data ke atas 15,441 kes konflik menyaksikan hampir sejuta orang maut, termasuk daftar kelahiran dan kematian kanak-kanak, kata pasukan penyelidik.

Pasukan penyelidik menggunakan data itu untuk mengira risiko kematian seorang kanak-kanak dalam jarak 100 kilometer dan dalam tempoh lapan tahun terakhir konflik bersenjata itu berlaku, kemudian menganggarkan jumlah kematian kanak-kanak yang dikaitkan dengan banyak peperangan di Afrika.

Angka lima juta itu lebih tinggi daripada anggaran sebelumnya,



demikian kata penulis.


"Konflik bersenjata yang lebih kerap dan sengit berlaku di Afrika dalam tempoh 30 tahun yang lalu berbanding di benua lain.

"Analisis ini menunjukkan bahawa kesan konflik bersenjata melangkaui kematian pejuang dan kemusnahan fizikal. Konflik bersenjata secara signifikan meningkatkan risiko kematian kanak-kanak, untuk jangka masa yang panjang," tulis penyelidik dalam laporan itu.

Selain menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak

secara langsung, konflik juga menyumbang kepada kematian dan bantut tumbesaran selama bertahun-tahun dan di kawasan yang luas, kata pasukan itu.

Kematian juga berlaku akibat ketiadaan rawatan perubatan membabitkan wanita hamil dan bayi yang baru lahir, penyebaran penyakit disebabkan kelemahan perkhidmatan kebersihan, ketiadaan bekalan air bersih, kekurangan ubat-ubatan dan kekurangan zat makanan kerana ketiadaan makanan.



Trump pecat peguam Rumah Putih Don McGahn

WASHINGTON - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, menerusi Twitter mengumumkan bahawa peguam Rumah Putih, Don McGahn, akan meletak jawatan.

Ia pemecatan terkini dalam beberapa drama penyingkiran pegawai kanan Rumah Putih selepas hubungan Trump dan McGahn tercalar akibat siasatan membabitkan campur tangan Russia, dalam Pilihan Raya Presiden 2016.

Pengumuman itu dibuat selepas senat AS mengesahkan

pencalonan Brett Kavanaugh sebagai pengganti McGahn kepada Mahkamah Agung.

Trump mengumumkan pemecatan McGahn kurang dua minggu selepas beliau dilaporkan secara sukarela bekerjasama dengan penyiasatan Peguam Khas, Robert Mueller, berhubung dakwaan campur tangan Russia dan kemungkinan berkomplot dengan Moscow untuk kempen Trump.

Russia menafikan sebarang campur tangan dalam Pilihan Raya Presiden 2016 itu.



Russia adakan latihan perang terbesar

MOSCOW - Russia menjadi tuan rumah latihan perang terbesar pernah diadakan sejak 1980-an, Vostok-2018, dengan penyertaan kira-kira 300,000 anggota tentera dan 1,000 pesawat, pada 11 hingga 15 September ini.

Menteri Pertahanannya, Sergei Shoigu berkata, latihan itu diadakan di timur negara dan turut disertai China dan Mongolia.

"Program ini adalah pengulan-

gan daripada Zapad-81, namun lebih besar," katanya yang merujuk latihan perang 1981 di timur Eropah.

Beliau berkata, lebih 1,000 pesawat dan hampir 300,000 tentera daripada semua peringkat bahagian tengah serta timur terbabit dalam latihan itu.

"Cuba anda bayangkan lebih 36,000 peralatan tentera bergerak serentak dengan kereta kebal, pengangkut perisai, kenderaan perang infantri. Semua ini akan

memperlihatkan situasi seperti peperangan," katanya.

Moscow memaklumkan, latihan tentera Zapad-2017 yang diadakan bersama-sama Belarus dan beberapa wilayah di Russia menyaksikan penyertaan 12,700 anggota tentera.

Bagaimanapun Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) mendakwa, kenyataan Rusia itu sengaja diperbesar-besarkan, malahan beberapa sekutu mereka memberitahu, latihan itu hanya disertai 100,000 anggota tentera.

Usia kemerdekaan negara kita yang mencecah 61 tahun adalah satu usia yang masih muda jika dibandingkan dengan negara seperti Amerika Syarikat, India dan Indonesia. Namun, kejayaan kita meringkai muafakat antara masyarakat daripada pelbagai kaum, agama dan resam adalah resipi yang terbukti berjaya dalam perjalanan kita, selama 61 tahun ini.

Kejayaan ini adalah hasil usaha bersama dari zaman Tunku Abdul Rahman sehingga era Malaysia Baharu di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Resipi kejayaan ini harus kita kekal dan wariskan kepada generasi masa depan supaya keharmonian serta keamanan negara kita kekal terpelihara.

Jiwa anak merdeka Malaysia sentiasa kental menghadapi cabaran dan dugaan serta tidak gentar mengharung samudera perubahan.

Program #AnakAnakMalaysia Walk mengingatkan saya akan sejarah 'March on Washington for Jobs and Freedom', pada tahun 1963. Hampir 300,00 orang berkumpul di Washington DC diketuai Martin Luther King Jr menuntut hak sivil dan ekonomi buat golongan Afrika-Amerika.

Mereka berjalan sejauh tiga batu sambil memegang sepanduk, menyanyi dan melaungkan mesej kebebasan. Kemuncak acara ini tentunya ucapan bertajuk 'I Have a Dream' oleh Martin Luther King Jr yang menjadi simbol kebebasan sejagat. Memetik ucapan King;

"I have a dream that my four little children will one day live in a nation where they will not be judged by the color of their skin but by the content of their character".

Ini adalah mesej yang sangat bermakna yang harus kita hayati dan warisi. Malaysia mengamalkan prinsip Raja Berpelembagaan dan menghormati perpaduan serta keharmonian antara kaum.

Prinsip ini harus kita sentiasa hayati dan warisi kepada anak-anak generasi masa depan.

Seperti Martin Luther King Jr, yang mempunyai impian. Saya juga mempunyai impian Selangor Darul Ehsan ini akan terus maju dan makmur tanpa menyisihkan sesiapa. Tidak ada maknanya jika kita terus mengekalkan status sebagai negeri termaju di Malaysia tetapi masih ada yang tertinggal dan tersisih.

Saya mengimpikan Selangor sebagai satu ketumbukan yang bersatu dan bersama. Jalinan hubungan yang akrab di antara kerajaan dan rakyat, saling membantu serta berpadu.

Saya mengimpikan Selangor sebagai aktor utama rantau Asia Tenggara, menarik pelabur



Harmoni dan toleransi

Kekalkan resepi kejayaan Malaysia

Saya mengimpikan Selangor sebagai satu ketumbukan yang bersatu dan bersama. Jalinan hubungan yang akrab di antara kerajaan dan rakyat, saling membantu serta berpadu. Saya mengimpikan Selangor sebagai aktor utama rantau Asia Tenggara, menarik pelabur dalam dan luar negara, memberi hasil serta kemakmuran negeri untuk semua rakyatnya selain negeri yang adil juga saksama.



dalam dan luar negara, memberi hasil serta kemakmuran negeri untuk semua rakyatnya selain negeri yang adil juga saksama.

Inilah Selangor impian saya dan saya ingin mengajak anda semua untuk sama-sama maju bersama serta menjadikan ia satu realiti.

Tema 'Sayangi Malaysiaku' bertepatan dengan acara #AnakAnakMalaysia Walk. '#AnakAnak Malaysia Walk for Unity, Harmony & Tolerance' adalah bukti cinta kita pada tanah air.

Perpaduan, keharmonian dan tolong ansur adalah nilai murni rakyat Malaysia yang harus kita pupuk dalam kalangan generasi

muda pemimpin masa hadapan negara.

Pengorbanan pemimpin masa dahulu dalam menuntut dan memperjuangkan kemerdekaan harus kita hargai serta insafi dengan semangat cintakan negara.

Marilah kita semua berjalan ke hadapan dengan satu tekad dan azam yang kukuh untuk mem-

lihara kedaulatan dan keamanan Malaysia. Semangat cintakan tanah air disemat dengan rapi di dada dan sanubari setiap anak Malaysia.

Jom ke hadapan bersama de-

mi Malaysia yang tercinta.

Sayangi Malaysiaku!

*Ucapan ketika Program #AnakAnakMalaysia Walk 2018 pada 2 September 2018



Universiti Pilihan
Warga Kerja

Hari Terbuka di Seluruh Malaysia

28 - 30 September 2018
9:00 pagi - 4:00 petang



Pusat Siswazah OUM
KUALA LUMPUR
Program Pascasiswazah



Pusat Pembelajaran
SRI RAMPAI
Program Prasiswazah



Pusat Pembelajaran
PETALING JAYA
Program Prasiswazah



Pusat Pembelajaran
SHAH ALAM
Program Prasiswazah



Pusat Pembelajaran
BANGI
Program Prasiswazah

Pengambilan September kini dibuka Pengajian Separuh Masa

▶ Kelas hujung minggu ▶ Pembelajaran bersemuka dan dalam talian
▶ Yuran berpatutan

Pengalaman kerja diiktiraf untuk kemasukan melalui APEL
Untuk maklumat lanjut, layari www.apel.oum.edu.my

YURAN MINIMUM
semasa mendaftar

KAFU DAN PASTI
Percuma yuran
pengajian semester
pertama
*tertakluk yuran minimum

DECE DAN BECHE
Diskaun 30% yuran
semester pertama

**PROGRAM-
PROGRAM LAIN**
Diskaun 10% yuran
semester pertama

UJIAN APEL
Yuran percubaan
kali pertama
RM370
dikecualikan

**WARGA EMAS
DAN OKU**
Diskaun 50%
keseluruhan yuran
pengajian

DISKAUN ALUMNI
Diskaun 5%
keseluruhan yuran
pengajian

REBAT HARI TERBUKA
RM100
Tawaran terhad

*Tertakluk terma & syarat

**Daftar
Sekarang!**

TALIAN PANTAS: 03-2773 2121
012-303 9935 & 019-357 9074

enquiries@oum.edu.my
www.oum.edu.my

Ikuti Kami @

PUSAT PEMBELAJARAN Buka 7 hari seminggu

KUALA LUMPUR: 03-2773 2163 / 03-2773 2653 / 013-303 9934 Sri Rampai: 03-4143 3955 / 011-1140 1734 -
SELANGOR Petaling Jaya: 03-7954 0546 / 013-5000 656 Shah Alam: 03-5520 5400 / 014-970 0340 Bangi: 03-8922
2294 / 011-2327 0758 - PERAK Ipoh: 05-254 6006 / 017-591 8908 Greenhill: 05-254 6006 / 017-591 8908 Manjung
05-688 7576 / 7578 / 019-236 8698 Tanjung Malim: 05-458 1855 / 019-217 8272 - PENANG Seberang Jaya: 04-390
2006 / 013-317 3006 - MELAKA: 06-292 1852 / 019-218 1851 - KEDAH Alor Setar: 04-720 1000 / 019-282 9259 Sungai
Petani: 04-441 8582 / 019-212 6756 - KELANTAN Kota Bharu: 09-741 8606 / 019-919 8603 - TERENGGANU Kuala
Terengganu: 09-662 1333 / 019-954 5900 - PAHANG Kuantan: 09-517 3535 / 019-916 3535 Temerloh: 09-290 8340 /
019-917 3535 - NEGERI SEMBILAN Seremban: 06-761 1003 / 011-1123 4244 - JOHOR Johor Bahru: 07-221 2006 /
019-790 4696 Batu Pahat: 07-438 1788 / 019-758 4696 Pantian: 07-686 4880 / 019-212 1498 - SARAWAK Kuching
082-450 602 / 013-837 5587 Sibau: 084-252 734 / 013-884 7514 Miri: 085-615 662 / 013-833 5195 Bintulu: 086-344 581
/ 012-853 9351 - SABAH Kota Kinabalu: 088-712 680 / 016-551 8204 Keningau: 087-330 219 / 013-885 6387
Sandakan: 089-464 627 / 012-808 5238 Kota Marudu: 088-663 767 / 088-663 768 / 013-558 3473 Tawau: 089-751 300
/ 016-883 1188 Lahad Datu: 089-880 527 / 089-881 527 / 010-399 0259



ADN Sungai Kandis angkat sumpah jawatan



OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Negeri Selangor (DNS), di Dewan Annex, pada 3 September lalu.

Majlis angkat sumpah di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan

Sharafuddin Idris Shah itu turut disaksikan Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dan Speaker, Ng Suee Lim.

Majlis berlangsung ketika Perasmian Persidangan Penggal Pertama DNS kali ke-14 tahun 2018.

Mohd Zawawi sebelum ini memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis dengan majoriti 5,842 undi, pada 4 Ogos lalu.

Beliau berjaya mengalahkan calon Barisan Nasional (BN), Datuk Lokman Noor Adam dan calon Bebas, K Murthy dengan meraih 15,427 undi.

Kemenangan itu, sekali gus membolehkan KEADILAN mengekalkan kerusi berkenaan yang sebelum ini disandang Allahyarham Mat Shuhaimi Shafiei.

Pada Pilihan Raya Umum ke-14 lalu, Shuhaimi memenangi kerusi DUN Sungai Kandis dengan memperoleh 23,998 undi mengalahkan calon BN, Datuk Kamaruzaman Johari (11,518); calon PAS, Mohd Yusof Abdullah (7,573) dan calon Parti Rakyat Malaysia (PRM), Hanafiah Husin (76).

241 wanita DUN Dengkil terima KISS

DENGKIL - Seramai 241 wanita di Dewan Undangan Negeri Dengkil menerima kad Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), baru-baru ini.

Penyerahan kad KISS itu disempurnakan Ahli Dewan Negeri Dengkil, Adhif Syan Abdullah, di Dewan Orang Ramai Taman Gemilang, di sini.

Adhif berkata, ikatan kebajikan itu amat bagus terhadap golongan sasaran yang amat memerlukan bantuan sedemikian.

"Ia bertujuan meringankan beban tanggungan keluarga terutama kepada ibu yang tidak bekerja dan mempunyai anak ramai.

"Manakala, kepada mereka yang sudah memohon, urusan anda akan saya percepatkan dan berusaha untuk menyelesaikannya dengan kadar segera," katanya.

Pada masa sama, Adhif turut mengucapkan terima kasih kepada wakil Selgate yang sudi hadir memberi penerangan berkenaan penggunaan kad KISS itu kepada orang ramai.

Terdahulu, KISS diperkenalkan melalui Belanjawan Selangor 2018 oleh mantan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed



Adhif menyantuni seorang penerima kad KISS di Dewan Orang Ramai Taman Gemilang, Dengkil

Azmin Ali.

Melalui KISS, setiap ibu yang layak akan menerima bantuan RM2,400 setahun atau RM200 setiap bulan.

Program itu memberi manfaat kepada kira-kira 30,000 golongan ibu, termasuk mendapat bekalan makanan asas seperti beras, minyak masak dan tepung serta pakaian sekolah untuk anak di pasar raya juga kedai runcit terpilih.

Peserta KISS boleh mendapat bekalan barangan berkenaan di lebih 500 pasar raya dan kedai runcit berdaftar seperti Giant Hypermarket, 99 Speedmart serta Pusat Pakaian Hari-Hari.

PNB VALUE HOMES

Rumah Teres | Berkembar | Banglo

Anda inginkan pembelian bijak.

TUNGGU APA LAGI?

Anda memang bijak jika anda membeli kediaman PNB ValueHomes. Maklumlah, harganya sungguh menepati kemampuan anda. Tapi bukan sahaja harga yang menjadi penentuan. Ia dibina oleh pemaju di bawah naungan Permodalan Nasional Berhad yang menerajui pemaju-pemaju hartanah terkemuka di Malaysia seperti Sime Darby Property dan S P Setia. Kualiti terjamin, bijak membeli, bahagia menanti. Tunggu apa lagi?

Daftar sekarang untuk memiliki sebuah kediaman PNB ValueHomes
Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnbvh.com atau hubungi **06-790 9988**

Kini di Banting!

Daftar sekarang.

Dibangunkan oleh:

PNB
Development



PNB ValueHomes



[pnb.valuehomes](https://www.instagram.com/pnb.valuehomes)

Galeri Jualan Kota Seriemas
No. A8 ke A10, d'Streetmall, Pusat Komersial Seriemas, Persiaran
Seriemas Dua, Kota Seriemas, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.



OLEH ABDULLAH HUSSAINI
MOHD GHAZALI

Cuti panjang seminggu aku habiskan di kampung. Emak pun berseorangan di rumah sebab kak long mengerjakan umrah. Di kampung yang sebahagian kawasan masih dilitupi hutan itu, seperti tiada apa-apa aktiviti yang boleh aku lakukan. Talian internet tidak ada dan untuk ke pekan jaraknya sangat jauh.

Setiap pagi aku berjalan kaki sebagai langkah memenuhi hari selain menyihatkan tubuh badan. Dua belah telinga aku sumbat dengan earphone. Aku mendengar lagu. Henfon diletak di dalam poket depan baju panas sambil kedua belah tanganku diseluk ke dalam saku seluar. Cuaca sangat dingin dan kabus memutih bagaikan kapas, menyeruak dari hutan belakang dan keliling. Rumah emak tercatat sebiji bagaikan sebutir batu di tengah ladang kuda. Rumah penduduk lain berselang agak jauh. Jadi tak banyak orang yang boleh aku temui. Seseekali ada motosikal, kereta atau lori melalui jalan raya yang sepi.

Sudah tiga hari di kampung. Hari itu aku berjalan seperti biasa. Udara kuhirup sangat nyaman. Tapi cuaca dan hawa lebih dingin daripada semalam. Putih kabus tebal mengelubungi kawasan sekitar jalan yang kusuri. Embun menyapu wajah. Aku memakai baju panas yang lebih tebal. Kepala diserkup dengan topi sudu. Kalau aku tidak pakai sebegitu pasti tubuhku menggigil kesejukan. Lagu-lagu dari lis aplikasi Joox menari-nari di



telinga. Kepalaku terangguk-angguk sambil mata tetap menajal ke sana sini. Sampai di satu selekoh tajam, di sebelah kiri, ada sebuah kandang kerbau yang besar. Dulu ia berlumpur hitam dan berbau busuk. Kerbau-kerbau itu akan keluar pada waktu pagi dan dihambat pulang oleh tuannya sebelum senja menghiris petang. Sekarang bila kulihat semula, yang tinggal di kandang itu cuma paku-pakis, dedalu, senduduk dan deduri yang tumbuh, meninggi dan menajal, memanjat batang buluh yang dibuat galang. Galang itu pula sudah reput dan dimakan anai-anai.

Aku memandang ke sebelah kanan. Di seberang jalan ada sebatang sungai, airnya mengalir laju naik hampir ke tebing dan warnanya keruh. Aku teringat, semalam hujan lebat bagai dituang-tuang. Satu jambatan kayu merentangi sungai itu ke tebing sebelah sana. Dari tebing itu ada denai dan kalau diikuti denai itu sampai ke hujung ada rumah Pak Kadim, pemelihara kerbau di kandang terbiar tadi. Aku tidak ingat bila kali terakhir aku melihat dia. Masih hidupkah dia? Masih sihatkah dia? Aku balik kampung pun cuma setahun sekali ketika hari raya sejak mula kerja di Shah

Alam sepuluh tahun lalu.

Pertanyaan aku terjawab. Di sebalik kabus dan pucuk-pucuk hijau yang mengepung denai itu kelihatan susuk seseorang. Kedua-dua tangannya menarik tali. Dia berjalan perlahan. Aku berhenti seketika. Memerhatinya dari jauh untuk melihat batang tubuhnya. Memang betul Pak Kadim. Dia menarik dua ekor lembu. Seekor berwarna coklat cair dan seekor lagi berwarna coklat gelap bertanduk panjang. Dia mengikat tali-tali itu pada tiang elektrik. Selesai mengikatnya dia berpaling ke arah aku dan mengangkat tangan. Aku membalasnya dengan senyuman. Pak Kadim seperti mengatakan sesuatu tapi aku tak mau mencabut earphone.

Aku terus berjalan sehingga beberapa ratus meter ke depan. Kemudian aku melintas dan belok ke kiri. Ada satu bukit yang ketika aku kecil, selalu aku bersama Mazhar dan Ripin mendakinya. Laluan untuk ke bukit itu telah dibersihkan. Ada kesan tayar lori. Jalan sehingga ke puncak juga berbatu. Sedang aku mendaki bukitnya, bahu terasa disentuh dari belakang. Aku berpaling. Ada seorang lelaki bermisai tebal menaiki motosikal, tersengih dan mengatakan sesuatu. Dia tunjuk telinganya. Aku mencabut earphone.

"Sebenarnya tak boleh masuk sini," kata dia.

"Oh ye ke? Maaf, saya tak tahu. Dah lama tak naik sini. Dulu masa kecil selalu naik ke bukit ni," balasku.

"Kalau setakat nak bersiar tak apa. Nanti turun balik ye," kata dia lagi. Aku mengangguk.

Sampai di puncak aku mengambil gambar dan duduk seketika sebelum turun semula. Di

SAMPAI DI PUNCAK AKU MENGAMBIL GAMBAR DAN DUDUK SEKETIKA SEBELUM TURUN SEMULA. DI KAKI BUKIT ITU RUPANYA ADA SATU PONDOK KECIL. TADI AKU TIDAK PERASAN LANGSUNG. LELAKI BERMISAI DUDUK MENYANDAR DI KERUSI DI DALAM PONDOK ITU. MATANYA TERKATUP RAPAT.

kaki bukit itu rupanya ada satu pondok kecil. Tadi aku tidak perasan langsung. Lelaki bermisai duduk menyandar di kerusi di dalam pondok itu. Matanya terkatup rapat.

Sampai di rumah emak menyuruh aku bersarapan. Biasanya selepas sarapan aku akan berkurung di dalam bilik bermain permainan komputer atau menonton drama hingga petang. Selesai bersarapan emak meminta aku membetulkan atap rumah yang pakunya tercabut.

"Tangga ada kat belakang," kata emak.

"Okey,"

"Kalau ya pun, cabutlah benda kat telinga tu," aku tersengih dan menanggalkan earphone.

Aku mendapatkan tangga kayu dan sandar pada dinding rumah. Tukul dan paku dalam cebek tersangkut di bahu. Memanjat tangga itu buat hatiku berdebar. Sebenarnya aku tak pernah membaiki atap atau guna tangga itu jadi aku berasa kurang yakin. Kakiku menggeletar kerana kayu tangga seperti melendut. Terasa gayat bila memandang ke bawah. Akhirnya aku berjaya sampai ke bumbung dan memaku semula atap yang tercabut.

Matahari muncul melumurkan cahayanya ke tubuhku. Emak melang dari bawah bertanya jika aku sudah menyiapkan atap. Aku menjawab ya. Tika itu aku mendengar bunyi jentera berat bertali arus. Aku menoleh ke belakang. Di sebelah timur ada jalan tanah merah, seperti baru disodok. Hangat matahari menghapuskan kabus yang tebal.

Telinga aku jelas mendengar bunyi jentolak dan mesin pemotong balak, meraung-raung membelah kesunyian rumah kami.

Perahu Kertas Yang Berlayar Di Bawah Rambutmu

Lewat malam di mana iri berpesta-tari, ketika di depanku langit menjadi rambutmu, perawan. Bintang serupa mata-mata yang mengintai keelokanmu. Aku tetap bulan (sebenarnya aku gemar menjadi bulan), bebola hodoh yang terlihat yakin dari jauh. Senyap, menunggu lenyap di sebalik bajumu.

Kudengar laut teratur mengiringi Bach. Menunda kesibukan di jarum jam tangan. Kau meniup angin yang paling tenteram di antara kekusutan. Lantas di cuping telingaku, ia tertinggal sebagai desahan yang harus dinikmati sebelum matari menuang pagi, mengguyuri kepalaku sekali lagi dengan tanggungjawab.

Kedewasaan benar-benar telah melelahkan fikiranku. Mengeluh bererti menghancurkan masa depan, dan memejamkan mata membawaku beradu di ranjang nostalgia. Aku menjadi asing kepada wajah sendiri. Sampai kautiba sebagai cumbuan selamat tidur, ketika siang kutemui tubuhku kembali remaja di depan cermin.

Sejak itu, kepalaku terasa lebih ringan—walaupun sebenarnya kita bertemu di antara kata setuju dan tidak setuju. Saling mencintai bererti memilih untuk tinggal di pantai. Jadi sebelum kaugusar dilanda badai, aku melipat cinta menjadi perahu kertas untuk menyelamatkanmu ketika lemas.

Senyumanmu adalah jalan pulang untuk nafasku kembali ke jantung. Kini, aku hidup semacam hukuman yang menyeduh waktumu, lantas wajahmu menjadi satu-satunya kediaman yang paling melegakan. Meskipun mendung semakin kerap mendakap pagi, tapi kepalaku menjadi jendela yang membaca hujan sebagai pelangi.

Jed
Seremban



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

OLEH NADIAH ZAMLUS

Ibarat pokok krismas CANTIKNYA KELIP-KELIP

Sebut sahaja nama Kuala Selangor, saya hanya membayangkan kawasan yang mungkin dipenuhi dengan perkampungan nelayan, malahan jika ada mungkin usahawan kecil yang menjual keropok dan ikan kering.

Tapi sangkaan tipikal itu meleset kerana rupanya macam-macam ada di daerah yang terletak, di utara Selangor itu.

Kali ini, SelangorKini dibawa Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bersama Tourism Selangor melawat beberapa lokasi menarik yang mampu memukau orang ramai untuk terus mengunjungi Kuala Selangor.

Destinasi pertama yang tidak seharusnya dilepaskan orang ramai khususnya penduduk di negeri ini ialah Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Pembantu Tadbir Unit Korporat dan Pembangunan Awam MDKS, Maizura Misron (gambar) berkata, uniknyanya kerana pelancong boleh menikmati keindahan kelip-kelip dengan menaiki sampan bukannya bot, di situ.

"Di Kuala Selangor, tidak dinafikan terdapat banyak operator yang mengendalikan pelancongan untuk kelip-kelip. Namun di Kampung Kuantan, ia dikendalikan oleh MDKS dan kita gunakan sampan bagi mengekalkan suasana alam semulajadi tanpa mengganggu kelip-kelip.

"Satu sampan mampu memuatkan maksimum empat penumpang. Antara paling unik di Kampung Kuantan ialah terdapat spesies kelip-kelip dari luar negara dan ini menunjukkan bahawa kelip-kelip di sini hidup dengan suasana alam sekitar yang baik," katanya.

Setibanya di lokasi kira-kira jam 9 malam, cuaca dalam keadaan baik, na-

mun mengejutkan apabila kami melihat hampir dua bas membawa pelancong daripada Korea Selatan, di situ.

Kami diberitahu, pelancong Korea begitu menyukai aktiviti melihat kelip-kelip di Kuala Selangor hingga membuatkan ejen pelancongan menyenaraikan lawatan ke Kampung Kuantan sebagai destinasi wajib.

Setibanya di jeti untuk melihat kelip-kelip, rombongan media terkejut melihat puluhan sampan menunggu untuk membawa pelancong.

Suasana sungguh gelap dari jauh, seolah-olah tiada apa-apa di dalam hutan gelap yang bakal dibawa pengayuh sampan kami.

Kurang dua minit berada dalam sampan, saya bersama rakan media daripada New Zealand hampir ternganga melihat puluhan pokok dipenuhi kelip-kelip.

Rakan yang bernama Tim terus berkata, "Wow, its like a christmas tree!" (Wow, ia seperti pokok krismas!).

Ungkapan Tim itu sudah cukup menggambarkan betapa indahnya suasana ketika itu, malahan ia tidak dapat digambarkan dengan kata-kata atau gambar.

Ini kerana keadaan begitu gelap sehingga menyukarkan momen indah itu dirakam, bahkan ia juga bertujuan untuk terus mengekalkan habitat kelip-kelip, di situ.

Pengalaman hampir 30 minit menaiki sampan dan melihat keindahan

ciptaan ALLAH SWT itu cukup bermakna bukan saja membuatkan anda tersenyum, namun kenangan itu akan diingati sampai bila-bila.

SelangorKini turut menemui salah seorang pendayung sampan paling lama di Kampung Kuantan iaitu Saian Abdul Ghani, 70, (gambar) yang berpengalaman mendayung sampan, lebih 30 tahun.



Katanya, kebanyakan pendayung di situ adalah penduduk tempatan, sekali gus aktiviti pelancongan itu menjadikan sumber pendapatan buat penduduk setempat.

"Aktiviti pelancongan melihat kelip-kelip ini sememangnya meriah dan kami penduduk kampung gembira apabila melihat pelancong tidak putus-putus, ke sini.

"Kuala Selangor menjadi popular kerana kelip-kelip ini. Terima kasih kelip-kelip," katanya.



WORLDWIDE HOLDINGS (6430-P)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar mengikut syarat-syarat pendaftaran di bawah dan syarikat kontraktor hendaklah memiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

A	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
	<p>No Tender: WHB/PU/OT/PRO/09/18</p> <p>THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF ELECTRICAL INFRASTRUCTURE WORKS FOR PHASE 1 AT ALAM PERDANA, MUKIM IJOK, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN FOR MESSRS WORLDWIDE PROPERTY MANAGEMENT SDN BHD.</p>	<p>1. Berdaftar dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor</p> <p>Gred: G4, G5 & G6 sahaja</p> <p>Kategori: E16 & E17 sahaja</p> <p>2. Class A Suruhanjaya Tenaga Electrical Contractor's License</p> <p>(Kontraktor dikehendaki untuk membawa SSM, cop syarikat & sijil CIDB sewaktu pembelian tender dokumen)</p> <p>3. Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman yang serupa di bidang berkaitan)</p>	<p>Bayaran Dokumen Tender RM 400.00 kepada KWA CONSULT SDN BHD (Bayaran dalam bentuk cek dan tidak akan dikembalikan)</p>	<p>3 September 2018 sehingga 7 September 2018</p> <p>Di pejabat: KWA CONSULT SDN BHD 73-2, BLOCK G, ZENITH CORPORATE PARK, 47301, PETALING JAYA, SELANGOR</p> <p>T: 03-7887 6618 F: 03-7887 6628</p> <p>Waktu Pejabat: Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30tgh 2.30ptg - 5.00ptg</p>

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

TENDER BOX A
JABATAN PEROLEHAN
 LOT 01-03-01
 WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
 NO 1 WORLDWIDE@7
 JALAN LAZUARDI 7/29
 40000 SHAH ALAM
 SELANGOR DARUL EHSAN
 No. Tel : 03-5510 2525 No. Fax 03-5510 4448

Tarikh Tutup Tender:-
 Sebelum atau pada jam
 12.00 pm
 24 September 2018

1. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
 2. Pihak Worldwide Holdings Berhad tidak terikat menerima Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga.



OLEH NAZLI IBRAHIM

Mudahkan urusan bayaran

MBSA PBT pertama guna 'SnapNPay'

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) muncul sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Malaysia menggunakan kaedah bayaran menerusi aplikasi 'SnapNPay'.

Dato' Bandarnya, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, kaedah bayaran menggunakan aplikasi itu membabitkan kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

"Aplikasi ini dapat memudahkan pengguna membuat bayaran kompaun dan cukai taksiran tanpa perlu memasukkan nombor akaun serta jumlah bayaran.

"Selain itu, pengguna juga boleh membayar tunggakan yang merangkumi urusan seperti cukai taksiran, kompaun, bil sewaan, bil air, elektrik, lot kosong iaitu kos pembersihan dan bayaran lesen," katanya.

Ahmad Zaharin berkata, pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi bayaran 'SnapNPay' di Google Play Store bagi pengguna telefon pintar Android atau Apps Store bagi pengguna IOS secara percuma.

Katanya, pengguna hanya perlu mengimbas kod bar atau kod QR untuk nombor akaun dan jumlah bayaran yang tertera

Aplikasi ini dapat memudahkan pengguna membuat bayaran kompaun dan cukai taksiran tanpa perlu memasukkan nombor akaun serta jumlah bayaran

AHMAD ZAHARIN MOHD SAAD
Dato Bandar MBSA

pada inuis cukai taksiran, notis kompaun serta notis sekatan yang diterima.

"Pengguna dikehendaki memilih saluran bayaran disediakan di dalam aplikasi 'SnapNPay' dan proses bayaran disambungkan kepada portal perbankan internet," katanya.



Ahmad Zaharin melakukan 'hand print' simbolik merasmikan aplikasi 'SnapNpay' di Lobi Mokara MBSA, baru-baru ini



Kurang sebulan, berjaya kutip RM45,000

SHAH ALAM - Kurang sebulan diperkenalkan, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya mengutip RM45,000 menerusi kaedah bayaran menggunakan aplikasi 'SnapNPay'.

Dato' Bandarnya, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, jumlah itu dikutip menerusi kira-kira lebih 350 transaksi menerusi aplikasi berkenaan.

"Sehingga kini, sudah lebih 1,500 pengguna telefon pintar memuat turun aplikasi dibangunkan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Aplikasi SnapNpay, di Lobi Mokara MBSA, pada 29 Ogos lalu.

Ahmad Zaharin berkata, kaedah bayaran 'SnapNPay' itu menambah satu lagi saluran bayaran yang disediakan MBSA.

Ketika ini, MBSA menyediakan saluran bayaran seperti kaunter utama dan pejabat cawangan, perbankan internet, pejabat bergerak 'Shah Alam On Wheels' serta kaunter pandu lalu.

Sementara itu, Ketua Deposit & Pengurusan Tunai BIMB, Zury Rahimee Zainal Abiden pula berkata, bank itu tidak menolak kemungkinan menawarkan hadiah wang tunai kepada pengguna bertuah aplikasi terbabit.

"Kami akan berbincang terlebih dahulu dengan pihak MBSA untuk memberi hadiah wang tunai," katanya.

MDSB buka iklan, tampal notis premis kosong

SABAK BERNAM - Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sentiasa membuka iklan sewa dan menampal notis premis kosong, setiap empat bulan sekali.

Yang Dipertuanya, Mohd Faizul Fitri Musliil bagaimanapun berkata, kekosongan premis di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu hanya bergantung kepada permintaan dan penawaran penduduk setempat khususnya.

"Jumlah kekosongan premis tahun lalu ialah 127 unit dan sebahagian besarnya ialah petak Pasar Awam Sabak, Pasir Panjang dan Sungai Air Tawar

"Justeru, kepada yang berminat boleh berhubung terus dengan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MDSB," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, Mohd Faizul berkata, dua daripada 16 premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Parit 16 Sungai Panjang masih kosong.

"Premis terbabit terdiri daripada perniagaan runcit, kedai makan, menjual baju, membekal dan menjual ais, bengkel kereta, kilang kerepek, kilang memproses kaki ayam, membekal dan menjual lemang sejuk beku.

"Sebahagian peniaga pula berniaga di luar kawasan dan hanya menjalankan operasi, pada waktu tertentu," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya turut menyediakan kaunter van bergerak setiap bulan bagi memudahkan

Jumlah kekosongan premis tahun lalu ialah 127 unit dan sebahagian besarnya ialah petak Pasar Awam Sabak, Pasir Panjang dan Sungai Air Tawar



MOHD FAIZUL FITRI MUSLIIL
Yang Dipertua MDSB

penyewa untuk membayar sewa.

Katanya, sebanyak 75 peratus daripada hasil kutipan sewa keseluruhan terkini berjaya dikutip MDSB.

"Pihak kami akan menjalankan operasi kutipan tunggakan hasil seperti tunggakan cukai taksiran dan kompaun, bermula 3 September lalu.

"Ia perlu dijelaskan segera bagi mengelakkan denda lewat dan sita kepada individu yang ingkar menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

"Kami juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana individu yang gagal menjelaskan kompaun MDSB," katanya.

IWB sambut baik

Penting 30 peratus wanita dalam PBT

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor menyambut baik cadangan semakan semula peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang gagal memenuhi syarat 30 peratus perwakilan Ahli Majlis.

Ketua Pegawai Operasinya, Karen Lai Yu Lee berkata, walaupun keberkesannya masih perlu dikaji, namun prinsip dan langkah penguatkuasaan yang tegas itu mencerminkan tahap komitmen kerajaan meningkatkan penyertaan wanita dalam tadbir urus PBT.

"Selaras dengan komitmen ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail turut menyokong cadangan terbabit.

"Oleh itu, kenyataan tambahan Menteri Pembangunan Wanita iaitu PBT harus mendahulukan keperluan penduduk berbanding peruntukan melantik 30 peratus Ahli Majlis wanita perlu dikupas supaya tidak disalah faham oleh masyarakat umum," katanya dalam kenyataan.

Yu Lee berkata, wanita berhak mewakili dalam mana-mana PBT berdasarkan jumlah penduduk yang terdiri daripada 50 peratus wanita.

"Keperluan penduduk dan peningkatan perwakilan wanita bukanlah sebuah 'zero-sum game' iaitu kita terpaksa memilih hanya salah satu 'option'.

"Namun, hakikatnya perwakilan wanita hanya berlegar di sekitar kadar purata 14 peratus, di peringkat nasional.

"Kelayakan wanita dalam memegang jawatan



kepimpinan juga sering dipersoal seakan-akan terdapat tanggapan tersembunyi bahawa wanita kurang berkemampuan berbanding lelaki," katanya.

Beliau berkata, prestasi kerja semua Ahli Majlis PBT juga perlu dinilai dengan telus sama ada lelaki atau wanita.

"Pemikiran begini harus dihentikan, apatah lagi daripada tampuk kepimpinan wanita kita terutamanya selepas Dr Wan Azizah mencipta sejarah apabila beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri wanita pertama, di Malaysia.

"Sasaran perwakilan 30 peratus wanita (yang jauh lebih rendah daripada nisbah populasi sebenar 50:50) hanyalah 'minimum critical mass' iaitu peratusan minimum yang dijangka mampu memangkinkan keseimbangan perwakilan gender lebih adil," katanya.

MPSJ sertai FGD, bincang struktur tadbir komuniti

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menyertai sesi 'Focus Group Discussion' (FGD) bagi membincangkan Dasar Komuniti Negara membabitkan struktur pentadbiran komuniti dan peranan kerajaan secara holistik.

Yang Dipertuannya, Noraini Roslan berkata, perbincangan itu menurus kepada memberdaya dan memastikan pembabitkan serta kesejahteraan komuniti khususnya, di kawasan perumahan kos rendah.

Justeru, katanya, satu jawatankuasa dicadang ditubuhkan seperti Jawatankuasa Komuniti Berdaya yang terdiri daripada ketua blok atau tingkat, jawatankuasa masjid dan institusi keagamaan, badan pengurusan bersama serta semua pihak berkepentingan, dalam kawasan perumahan itu.

"Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menjadi fasilitator bagi memastikan jawatankuasa itu berfungsi berdasarkan keperluan, kepentingan dan isu yang dikenal pasti menggunakan pendekatan 'Local Agenda 21'.

"Di peringkat PBT juga perlu mempunyai Jawatankuasa Pembangunan Masyarakat yang boleh membantu melaksanakan program kepada komuniti secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 8/2018, di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MPSJ, baru-baru ini.

Pada masa sama, Noraini berkata, MPSJ melalui gabungan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan dan Jabatan Perancangan Bandar sedang mengenal pasti semua ahli jawatankuasa serta persatuan penduduk berkaitan Organisasi Berasaskan Komuniti di kawasan perumahan kos rendah yang perlu didaftarkan.

Katanya, data itu akan dijadikan sebagai asas dalam menyelaras program komuniti antara syarikat swasta, Badan Bukan Kerajaan dan jabatan kerajaan lain supaya tiada pertindihan program.

"Selain itu, program yang dicadangkan perlu fokus kepada aspek kebersihan, kesihatan, pengurusan infrastruktur, sosial, alam sekitar dan keusahawanan.

"Penyelarasan ini juga secara tidak langsung dapat mengoptimumkan penggunaan bajet yang diperuntukkan kepada setiap zon," katanya.

Galas tanggungjawab bapa angkat kontinjen Selangor

SUBANG JAYA -

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bakal menggalas tanggungjawab sebagai bapa angkat beberapa acara sukan untuk kontinjen Selangor ke kejohanan

Sukan Malaysia (SUKMA) Perak, tahun ini. Yang Dipertuannya, Noraini Roslan berkata, selaku salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), MPSJ diamanahkan Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor untuk empat acara dipertandingkan dalam temasya sukan terbesar, di Malaysia itu.

Katanya, pasukan angkat SUKMA diterima pihaknya termasuk wushu, kriket, futsal lelaki dan perempuan.

"MPSJ akan membantu setiap pasukan mengikut keperluan mereka, khususnya daripada aspek kemudahan logistik ketika latihan, persediaan kejohanan dan ketika kejohanan berlangsung.

"Selain itu, PBT turut membantu memberi kerjasama dengan menyediakan pengangkutan seperti bas dan kereta, elaun, jersi serta keperluan lain.

"Sebagai pembakar semangat dan



sokongan moral kepada atlet, kami juga akan menghantar pasukan sorak (Cheer Team) sepanjang kejadiannya," katanya.

johanan itu tanya.

Pada masa sama, Noraini optimis pasukan angkat SUKMA dapat menjulang kemenangan di kejohanan berkenaan, sekaligus mengharumkan nama Selangor ke persada lebih tinggi.

"Setakat ini, kita mempunyai rekod amat bagus dan memberangsangkan, terutama acara futsal bagi kedua-dua kategori dan saya yakin mereka mampu melangkah sekurang-kurangnya ke peringkat separuh akhir, seterusnya membawa balik pingat emas untuk Selangor," katanya.

Terdahulu, SUKMA edisi ke-19 akan berlangsung mulai 12 hingga 22 September ini yang menyaksikan Perak selaku tuan rumah penganjuran terbabit.

Edisi kali ini juga bakal menyaksikan 12 daerah dan 29 sukan serta 39 tempat pertandingan membabitkan 427 acara sukan, selain 2,952 pingat menjadi taruhan kepada barisan atlet.



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS) KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada perunding Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kajian berikut :-

KAJIAN WATER ALLOCATION PLAN NEGERI SELANGOR

No. Tender	Kod Bidang	Tempoh Penjualan Tender	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
LUAS/T/01/2018	330101 atau 330207	3 September 2018 hingga 28 September 2018 ISNIN - KHAMIS 8.30 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 3.30 petang JUMAAT 8.30 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 3.30 petang	RM50.00	28 September 2018 (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Perunding Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

Satu salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan LUAS semasa membeli dokumen. LUAS berhak menolak permohonan yang pada tanggapan LUAS tidak layak.

3. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara Tunai / Bank Darft / Wang Pos atas nama Lembaga Urus Air Selangor. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender sahaja.

4. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Dokumen tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Dokumen tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Tender di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat :-

Pengarah
Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

6. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima



Selangor tuan rumah

2,583 peserta bermalam di muzium

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Seramai 2,583 pelajar berusia lingkungan 13 hingga 17 tahun bermalam di muzium seluruh Malaysia manakala Muzium Sultan Alam Shah, di sini, dipilih selaku tuan rumah, pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor (PADAT), Dato' Paiman Keromo berkata, Program Bermalam di Muzium itu salah satu program utama Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

"Program Bermalam di Muzium satu usaha institusi muzium dalam menerapkan kesedaran dalam kalangan pelajar berhubung pentingnya pemahaman dan menghargai sejarah, budaya serta warisan negara.

"Sememangnya program ini tidak asing lagi di negara kita dan di Selangor baru memasuki tahun kedua penganjurannya, namun sambutan diterima amat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Bermalam di Muzium yang diadakan di Audi-

torium Daeng Chelak, Muzium Sultan Alam Shah, di sini, pada 31 Ogos lalu.

Sementara itu, Paiman berkata, pembabitatan peserta pada tahun ini meningkat kepada 160 pelajar berbanding tahun lalu hanya 120 peserta sahaja.

"la sekali gus menjadikan Muzium Sultan Alam Shah menerima penyertaan paling tinggi di seluruh Malaysia. Tahniah saya ucapkan.

"Pertambahan angka ini membuktikan bahawa muzium kekal relevan dan mampu menarik mi-

nat generasi muda bagi mendekati serta menghargai khazanah budaya bangsa kita," katanya.

Menariknya, setiap peserta yang mengikuti program itu bakal terdedah dengan dua segmen menarik antaranya mereka akan diterangkan berhubung pentingnya menghargai kemerdekaan melalui aktiviti cintakan negara dan setia kawan.

Manakala, dalam segmen kedua mereka didedahkan dengan aktiviti berunsurkan budaya menerusi perihal muzium supaya tidak lupa asal usul serta

tamadun negara.

Penganjuran program Bermalam di Muzium sudah dipelopori Muzium Negara sejak 2005 sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Program itu mendapat sambutan cukup hangat dalam kalangan peserta sehingga ia dijadikan sebagai acara wajib Muzium Negara, setiap tahun.

Malah, kejayaan program itu merintis pelaksanaan program sama dan sehingga kini 35 muzium mengambil bahagian menganjurkannya.



Timbalan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik menurunkan tanda tangan di baju-T simbolik perasmian Bermalam di Muzium

UPSR: 286 pelajar Tamil cemerlang terima anugerah



Amirudin ditemani Ganabattirau menyampaikan anugerah kepada wakil SJKT Simpang Lima yang mendapat tempat pertama kategori SJKT Terbaik

SHAH ALAM - Seramai 286 pelajar Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR) 2017 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seluruh Selangor menerima anugerah kecemerlangan daripada Kerajaan Negeri.

EXCO Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, V Ganabattirau berkata, anugerah itu membabitkan pelajar cemerlang 8A (73), 7A (107) dan 6A (106).

Katanya, program tahunan yang memasuki kali kelapan itu diadakan bagi menghargai pelajar cemerlang berketurunan India, sekali gus membuktikan peranan kaum itu tidak pernah dipinggirkan.

"Ini antara program terbesar

anjuran Kerajaan Negeri kepada pelajar berbangsa India di bawah peruntukan anak pekerja ladang.

"Kerajaan Negeri berbangga melihat ramai murid maju ke hadapan.

"Walaupun program ini tidak membabitkan belanja yang tinggi, tetapi memberi makna cukup besar kepada kaum India," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR 2017 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, di Selangor, di Dewan Jubli Perak, SUK, pada 2 September lalu.

Ganabattirau berkata, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan Harapan tidak pernah meminggirkan kaum India, sebaliknya

sentiasa menambah peruntukan dari semasa ke semasa.

"Berbeza dengan pentadbiran sebelum ini yang seolah-olah meminggirkan kaum India. Kami di-anaktirikan, itu tidak boleh ditipu.

"Di Selangor, kita menyelamatkan sekolah Tamil daripada dilupakan. Sebanyak 15 tapak sekolah Tamil sudah diwartakan, malahan peruntukan juga dinaikkan.

"Inilah kelebihan Selangor yang sentiasa menjadi peneraju dalam semua aspek," katanya.

Beliau berharap program terbabit akan dapat diteruskan dari masa ke semasa dalam usaha menyuntik semangat pelajar untuk lebih berjaya, pada masa hadapan.

Program khusus tingkat kualiti pendidikan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersedia merangka program khusus untuk pelajar India dalam usaha mempertingkatkan dan memperkukuhkan asas pendidikan kaum terbabit.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, Kerajaan Negeri tidak hanya mengeluarkan dana ketika janji pilihan raya, sebaliknya ia dikeluarkan setiap tahun tanpa gagal.

Katanya, sebanyak RM1.5 juta diperuntukkan tahun ini berbanding RM1 juta dikeluarkan untuk sekolah Tamil, sejak 2008.

"Jika tahun 60an atau 70an, kaum India berjuang menubuhkan sekolah Tamil dan sukar untuk menghantar anak ke sekolah.

"Namun hari ini, persekolahan bukan lagi menjadi isu kerana kesedaran menghantar anak ke sekolah dipertingkatkan.

"Atas sebab itu, Kerajaan Negeri

sentiasa memikirkan dan melihat keperluan semasa untuk mempersiapkan generasi muda dengan keperluan abad ke-21," katanya.

Amirudin berkata, beliau percaya pendidikan satu instrumen yang kuat dan dapat mengubah seseorang kepada lebih baik.

"Individu ini akan menjadi sebahagian daripada masyarakat yang akan turut sama aktif menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai segi.

"Saya akan melihat apakah bentuk bantuan atau program khusus untuk anak ini selain kemudahan dan infrastruktur supaya mereka se-tanding kaum Melayu serta Cina, di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, pendidikan asas amat penting untuk menyiapkan tapak dan mengukuhkan asas pengetahuan pelajar sebelum melangkah ke peringkat lebih tinggi.



Amirudin beramah mesra dengan pelajar India pada Majlis Anugerah Kecemerlangan UPSR 2017 bagi SJKT, di Selangor

Mulai September

Tadabbur Al-Quran jemput setiap DUN

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Program Tadabbur Al-Quran anjuran Pertubuhan Kebajikan Dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) bakal diteruskan dengan menjemput wakil daripada dua Dewan Undangan Negeri (DUN), mulai bulan ini.

Yang DiPetuanya, Masdiana Muhamad berkata, sebelum ini program itu dibuka kepada orang ramai yang berminat menyertainya.

"Mulai bulan depan (September), PEKAWANIS akan menjemput dua DUN ke program ini secara bergilir.

"Program ini mendapat sambutan menggalakkan dan ramai yang mengetahui akan kewujudan.

"Memang kita jemput setiap DUN hadir, cuma kali ini kita mahu menjemput mereka

secara bergilir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Tadabbur Al-Quran kali ke-35, di Kediaman rasmi Dato' Menteri Besar, pada 29 Ogos lalu.

Masdiana berharap program seperti itu dapat diikuti, di setiap DUN.

"Kita mahu isteri Ahli Dewan Negeri aktif dan boleh mengikuti program yang dilaksanakan PEKAWANIS," katanya.

Pada masa sama, Masdiana berkata, selain program tadabbur, pihaknya turut mengadakan bacaan zikir minggu kedua, setiap bulan.

Pada majlis terbabit, seramai 600 peserta menyertai program Tadabbur Al-Quran yang diadakan itu.

Terdahulu, program itu bertujuan untuk umat Islam memahami maksud isi kandungan dan nilai terkandung di dalamnya.



PAWE peluang warga emas kekal aktif

SEPANG - Satu lagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ditubuhkan di daerah Sepang bertujuan memberi ruang dan peluang kepada warga emas untuk terus bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti tanpa mengira faktor usia.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, penubuhan pusat itu sudah diluluskan dan akan mula beroperasi, pada Oktober ini.

"Saya menyeru semua warga emas di daerah Sepang untuk aktif dan berdaftar sebagai ahli PAWE supaya dapat menyertai pelbagai aktiviti menarik yang dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian PAWE Pelangi Impian Sepang, di Dewan Orang Ramai, Kampung Ulu Chuchoh, Sungai Pelek, baru-baru ini.

Katanya, program dilaksanakan PAWE bertepatan dengan matlamat Dasar Warga Emas iaitu mengupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap serta berkesan untuk membantu mereka hidup sejahtera.

Pada masa sama, Dr Siti Mariah berkata, Kerajaan Negeri turut berhasrat memperluas PAWE pada setiap komuniti dalam Selangor supaya semua warga emas sentiasa aktif.

"Sudah lapan PAWE diwujudkan di setiap daerah di negeri ini dan kita sememangnya berhasrat meluaskan lagi pusat aktiviti ini terutama, di kawasan bandar.

"Bagaimanapun, kita kini sedang dalam proses bertemu dengan warga emas untuk mendengar sendiri apa yang mereka mahu," katanya.



Dr Siti Mariah beramah mesra dengan sebahagian warga emas ketika merasmikan PAWE Pelangi Impian Sepang

WAKTU SOLAT SELANGOR
6 - 12 SEPTEMBER 2018
25 ZULHIJAH 1439H - 2 MUHARRAM 1440H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:41	5:51	7:06	1:14	4:20	7:18	8:28
07 Jumaat	5:41	5:51	7:05	1:14	4:19	7:18	8:27
08 Sabtu	5:40	5:50	7:05	1:14	4:18	7:18	8:27
09 Ahad	5:40	5:50	7:05	1:13	4:17	7:17	8:26
10 Isnin	5:40	5:50	7:05	1:13	4:16	7:17	8:26
11 Selasa	5:40	5:50	7:04	1:13	4:15	7:16	8:25
12 Rabu	5:40	5:50	7:04	1:12	4:14	7:16	8:25

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:43	5:53	7:07	1:17	4:21	7:21	8:30
07 Jumaat	5:43	5:53	7:07	1:16	4:20	7:20	8:30
08 Sabtu	5:43	5:53	7:07	1:16	4:19	7:20	8:29
09 Ahad	5:43	5:53	7:06	1:16	4:18	7:19	8:29
10 Isnin	5:42	5:52	7:06	1:15	4:17	7:19	8:28
11 Selasa	5:42	5:52	7:06	1:15	4:16	7:19	8:28
12 Rabu	5:42	5:52	7:06	1:15	4:15	7:18	8:27

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
06 Khamis	5:42	5:52	7:07	1:15	4:21	7:19	8:28
07 Jumaat	5:42	5:52	7:06	1:15	4:20	7:18	8:27
08 Sabtu	5:41	5:51	7:06	1:14	4:19	7:18	8:27
09 Ahad	5:41	5:51	7:06	1:14	4:18	7:17	8:26
10 Isnin	5:41	5:51	7:06	1:14	4:17	7:17	8:26
11 Selasa	5:41	5:51	7:05	1:13	4:16	7:16	8:26
12 Rabu	5:41	5:51	7:05	1:13	4:14	7:16	8:25

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** dan **Sijil Arborist** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MPSepang (LAND) 400-10/12/16	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KEJIRANAN DI TAMAN LESTARI PERMAI, BANDAR PUTRA PERMAI, SERI KEMBANGAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan), UPEN DAN ABORIST	RM 100.00
2.	MPSepang (LAND) 400-10/12/17	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KEJIRANAN DI FASA 2B, FASA 2E, FASA 2D2, FASA 2D3, FASA 3A, FASA 3B2, FASA 3C, FASA 3E, FASA 4B, FASA 4C, FASA 6A, FASA 8B, FASA 9A DAN FASA 9B DI TAMAN PUTRA PRIMA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan), UPEN DAN ABORIST	RM 100.00
3.	MPSepang (LAND) 400-10/12/18	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI KAWASAN KEJIRANAN DI AMETIS TERRACE, BANDAR BUKIT PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan), UPEN DAN ABORIST	RM 100.00
4.	MPSepang (LAND) 400-10/12/19	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT BAGI TAMAN JENDERAM HARMONI DI KAWASAN JENDERAM UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan), UPEN DAN ABORIST	RM 100.00
5.	MPSepang (LAND) 400-10/12/20	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP, MENCUCI LONGKANG, PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN BAGI KAWASAN AUTOVILLE, NADAYU 99 DAN PLAZA CRYSTALVILLE CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan), UPEN DAN ABORIST	RM 100.00

- Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **06hb September 2018** hingga **02hb Oktober 2018** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan **Surat Lantikan Wakil, Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** dan **Sijil Arborist** yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai, Wang Pos Atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 02hb Oktober 2018**.
- Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MPSepang (LAND) 400-10/12/21	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT, PEMOTONGAN RUMPUT DAN SAPUAN BAGI KAWASAN HUTAN BANDAR CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan) DAN UPEN	RM 100.00
2.	MPSepang (LAND) 400-10/12/22	CADANGAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN AWAM BAGI KAWASAN PANTAI BAGAN LALANG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG PADA TAHUN 2018.	KEW 221002 @ 220402 (Membersih Kawasan) & 221402 @ 220803 (Hiasan Jalan / Kawasan) DAN UPEN	RM 100.00

- Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **06hb September 2018** hingga **02hb Oktober 2018** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan **Surat Lantikan Wakil, Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai, Wang Pos Atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 02hb Oktober 2018**.
- Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MPSepang (KEJ) 400-10/12/23	CADANGAN KERJA MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PANGSAPURI MEGAH VILLA, KOTA WARISAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI PROGRAM PEMBAIKAN JALAN DALAM KAWASAN PANGSAPURI KOS RENDAH NEGERI SELANGOR PADA TAHUN 2018.	CIDB, SPKK, G3 CE21 & (UPEN)	RM 150.00

- Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **06hb September 2018** hingga **02hb Oktober 2018** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan **Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai, Wang Pos Atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 02hb Oktober 2018**.
- Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



Hab Pemberdayaan Wanita Zuraida Kamaruddin

Penubuhan tepat pada masa

OLEH NADIAH ZAMLUS

PETALING JAYA - Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS), Masdiana Muhamad, menganggap penubuhan Hab Pemberdayaan Wanita Zuraida Kamaruddin tepat pada masanya.

Katanya, ia sekali gus mengiktiraf dan menghargai Zuraida sebagai tokoh wanita yang banyak berjasa kepada pembangunan wanita di negara ini, khususnya Selangor.

"Perjuangan beliau dalam memperkasakan wanita tidak boleh disangkal lagi.

"Bermula sebagai aktivis, ahli politik, Ahli Parlimen dan kini sebagai menteri, beliau masih teguh bersama usul perjuangan iaitu wanita di Malaysia harus diberikan pembebaan serta pemberdayaan sewajarnya.

"Agenda pemberdayaan wanita terus



diangkat apabila beliau dilantik sebagai menteri, sekali gus mengusulkan 30 peratus Ahli Majlis diberikan kepada golongan wanita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ucapan

perasmian Majlis Pelancaran Hab Pemberdayaan Wanita Zuraida Kamaruddin, di sini, baru-baru ini.

Masdiana yang juga isteri kepada Dato' Menteri Besar Selangor berkata, penubu-

han Institut Wanita Berdaya pada 2017 bertujuan menjadi badan pemikir dan pembuat dasar yang menyokong agenda serta matlamat diperjuangkan Kerajaan Negeri.

Katanya, ia menjunjung prinsip hak asasi seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, selain memastikan keseimbangan dan kecemerlangan berterusan pentadbiran Kerajaan Negeri.

"Semoga hab ini akan menjadi landasan untuk mengangkat usaha pemberdayaan wanita melalui Dasar Wanita Selangor dengan memaksimumkan potensi dan kapasiti wanita.

"Saya juga berharap ia akan menaikkan taraf kehidupan sosioekonomi, kesihatan dan keselamatan serta meningkatkan keupayaan kepimpinan juga pembuat keputusan wanita," katanya.

PEKAWANIS rancang perkasa tiga golongan

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) komited memberdayakan golongan ibu tunggal, kanak-kanak dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Yang DiPertuanya, Masdiana Muhamad berkata, PEKAWANIS kini merancang menjalinkan kerjasama dengan Institut Wanita Berdaya dan Badan Bukan Kerajaan lain untuk merangka pelbagai program.

Katanya, inisiatif terbabit bertujuan memperkasakan golongan berkenaan dalam kehidupan seharian.

"PEKAWANIS juga berbincang dengan EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Mariah Mahmud untuk sama-sama membantu kita dalam perkara ini.

"Ada banyak perkara atau idea yang saya fikirkan selepas berbincang dengan ahli jawatankuasa PEKAWANIS dan beberapa pihak lain untuk kita laksanakan, pada masa akan datang," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Program Tadabbur Al-Quran yang diadakan, di Kediaman Rasmi Dato' Menteri Besar, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Masdiana berkata, pihaknya mahu semua isteri Ahli Dewan Negeri (ADN) supaya terbabit dengan pro-

gram yang dilaksanakan PEKAWANIS itu nanti.

Katanya, beliau juga mahu isteri ADN menjadi penaung Pusat Wanita Berdaya, di kawasan masing-masing.

"Kita boleh merangka program khususnya pendekatan psikologi bagi wanita yang hilang tempat bergantung apabila diceraikan suami, hilang punca pendapatan atau digantung tidak bertali.

"Kita perlu memberikan sokongan moral khususnya selain membantu mereka membina kehidupan baharu," katanya.

Terdahulu, Masdiana yang juga isteri kepada Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, dilantik sebagai Yang Dipertua PEKAWANIS menggantikan Datin Seri Shamshida Taharin.

Pelantikan itu dilakukan selepas Mesyuarat Agung Khas Pekawanis 2018, pada 10 Ogos lalu.

Teroka peluang baru, keluar zon selesa

SHAH ALAM - Golongan wanita disarankan keluar daripada zon selesa dengan meneroka peluang dan bidang baru bagi memajukan diri, kata EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud.

Katanya, ia bukan sesuatu perkara mustahil dilaksanakan jika seseorang wanita itu mempunyai matlamat jelas dan tidak berputus asa.

"Persoalan bermain dalam fikiran saya adalah mahu memotivasikan wanita untuk mencabar diri mereka daripada terus berada di zon selesa dan mengubah ke arah lebih baik.

"Mungkin segelintir wanita tidak tahu atau hanya redha dengan keadaan mereka sekarang, namun sudah tiba masanya untuk kita fikirkan cara mengeluarkan golongan ini daripada terus berada dalam zon selesa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Bicara Inspirasi Bersama Ekspediter Negara Kutub Utara Kutub Selatan dan Green-

land, Dr Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah, pada 30 Ogos lalu.

Mengulas berhubung bicara inspirasi itu, Dr Siti Mariah berkata, beliau amat menggalakkan golongan wanita mengikut jejak langkah Ekspediter Negara berkenaan yang sudah menjelajah ke tiga negara beriklim sejuk.

"Banyak pendedahan positif yang kita dapat daripada bicara tadi dan saya berharap setiap yang hadir boleh mengubah diri mereka ke arah lebih baik serta bersemangat," katanya.

Manakala, mengulas berhubung Kasih Ibu Smart Selangor (KISS), beliau berkata, sudah tiba masanya Kerajaan Negeri memikirkan formula bagi mengubah nasib golongan wanita daripada terus menerima pelbagai pemberian.

"Kini, sudah tiba masanya kita perlu fikirkan jalan daripada terus 'memberi ikan kepada memberi kail' supaya seseorang itu boleh berusaha pada masa sama akan menguntungkan mereka.

JABATAN KERJA RAYA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Kerja-kerja Membekal, Memasang, Menguji Serta Mengujiterima Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Masjid Putra Heights, Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. JKR/SEL/ (N)/016(T)/2018	Bumiputera T1	SPKK, PPK, STB & UPEN Gred: G3 Kategori: ME Pengkhususan: M01	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 07/09/2018 (Jumaat) Sehingga 20/09/2018 (Khamis)	RM218.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (Bayaran tidak akan dikembalikan) Atas Nama Bendahari Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Selangor, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Pada: 27/09/2018 (Khamis) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. (Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan)

Sebarang pertanyaan sila hubungi di Bahagian Mekanikal, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55194041

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat didalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan)

*Jenis Pendaftaran:

- T1 - Syarikat 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



Informasi Terkini di jari anda



MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI



'CGC Merdeka Midnight Rugby Meet'
10 alumni ragbi berentap

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SERDANG - Sebanyak 10 pasukan kelab terdiri daripada alumni ragbi berprestij di Malaysia berentap dalam 'CGC Merdeka Midnight Rugby Meet', anjuran Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, di Padang Kolej 14 Universiti Putra Malaysia (UPM), pada 30 Ogos lalu.

Saingan edisi julung kali itu menyaksikan kehadiran Kelab ALSPEN Stingers RC (Alumni SMS Tun Syed Shahabudin, Pulau Pinang), Edwardian Legends (Alumni SM King Edward VII, Perak), KKB Vets (Alumni SM Kuala Kubu Baru), MCOBA Vets (Alumni Kolej Melayu Kuala Kangsar).

Turut sama adalah OPA (Alumni Royal Military College, KL), SAJOHA Vets (Alumni Sekolah Sains Johor), SDAR Vets (Alumni Sekolah Datuk Abdul Razak, Negeri Sembilan), SMS-SOB (Alumni SM Sains Selangor), STJ How (Alumni SM Sains Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan) dan VI Legends (Alumni Victoria Institution, Kuala Lumpur).

Ketua Pegawai Korporat CGC, Rahim Raduan berkata, kejohanan itu mendapat kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta Kelab Ragbi Home of Warriors sempe-

na meraikan ambang sambutan Hari Kemerdekaan ke-61.

Katanya, ia juga sebahagian daripada Karnival Merdeka KKKM selain menggalas peranan pihaknya dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berasaskan kesukanan.

"Kami berbangga dan berbesar hati untuk menaja kejohanan ragbi ini yang bertepatan dengan sambutan Hari Kemerdekaan ke-61 kerana sukan mampu mengeratkan ikatan silaturahim sesama kita, membina semangat berpasukan dan menggalakkan kehidupan sihat.

"Selain itu, terdapat persamaan dalam nilai teras yang diamalkan di CGC dan sukan dengan menggalakkan semangat berpasukan, komitmen, membina integriti serta menyerahkan bakat," katanya.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Eddin Syazlee Shith.

Sebelum itu, Riduan berkata, dalam usaha memacu pembangunan sukan ragbi di

Malaysia, maka pihaknya berilham memperhebatkan lagi pelaksanaan program sedemikian, pada masa hadapan.

"Melihat kepada sambutan menggalakkan menerusi program ini, kami akan terus mencari peluang untuk turut serta dalam penganjuran program sama selepas ini selain berusaha menerokai sukan lain yang lebih besar dan menarik.

"Alumni yang terbabit juga berperanan membantu merencanakan sukan ini melalui sumber sokongan daripada aspek bantuan kewangan, masa dan tenaga serta sesi latihan secara percuma kepada pelajar di sekolah lama mereka dengan hasrat melahirkan ramai pelapis sukan ragbi tempatan bertaraf antarabangsa," katanya.

Terdahulu, kejohanan itu menyaksikan lima kategori dipertandingkan iaitu 'Shield', 'Bowl', 'Cup Champion' dan 'Plate Champion' dengan menyaksikan juara serta naib juara masing-masing membawa pulang piala iringan.



Dua pelajar UNISEL raih pingat taekwando terbuka

SHAH ALAM - Dua pelajar Universiti Selangor (UNISEL) berjaya meraih pingat dalam Kejohanan CK Classic International Open Taekwando Championship Malaysia, di Stadium Melawati, pada 23 hingga 26 Ogos lalu.

Pengarah Komunikasi Korporat UNISEL, Hasril Abu Hassan berkata, dua pelajar itu adalah Jagdeep Singh Gurdeep Singh dan Siti Nurul Ainil Hilmizan.

"Dalam kejohanan itu, Jagdeep berjaya meraih pingat perak manakala Siti Nurul Ainil memenangi gangsa.

"Semoga kejayaan mereka menjadi inspirasi buat pelajar lain dalam mengharumkan nama universiti," katanya.

Difahamkan, mereka yang juga wakil Malaysia dalam acara itu adalah pelajar Diploma Pengurusan Industri Sukan dan di bawah program 'UNISEL Athlete Academic Track'.

Terdahulu, UNISEL memperkenalkan program berkenaan khas kepada pelajar baharu prasiswazah dan pascasiswazah, pada pengambilan pelajar Jun 2018.



Pengarah Pusat Sukan UNISEL, Nurul Hanim Mohd Amin berkata, program itu bagi membuka ruang kepada atlet melanjutkan pengajian dengan fleksibiliti tempoh pengajian, kaedah pembelajaran dan penilaian kursus.

"Ia bersifat 'custom made' bersesuaian dengan kesibukan jadual latihan dan kejohanan atlet.

"Program ini dibangunkan atas kesedaran dan keprihatinan UNISEL terhadap masa depan kerjaya atlet di Malaysia khususnya," katanya.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

(1082296-U)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	AIS/ITD/T1/9/2018	SUPPLY, DELIVERY, CONFIGURATION, MIGRATION, TESTING, COMMISSIONING AND PROVIDE SUPPORT WARRANTY SERVICES FOR ENTERPRISE STORAGE, TAPE LIBRARY AND BACKUP SOFTWARE.
2.	AIS/OS/T6/8/2018	MAINTENANCE & SERVICING WORKS OF SURGE VESSEL & AIR COMPRESSOR SYSTEM FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD.
3.	AIS/WQLS/T6/7/201	REHABILITATION, UPGRADING AND RECONSTRUCTION OF 242 UNITS EXISTING WATER QUALITY SAMPLING STATIONS (STESEN PERSAMPELAN AIR, SPA) AT SELECTED SERVICE RESERVOIRS OUTLET (SRO) WITHIN THE STATE OF SELANGOR, FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD.
4.	AIS/WQLS/T4/8/2018	REHABILITATION AND UPGRADING OF THREE (3) EXISTING RIVER MONITORING STATIONS (RMS) AT SUNGAI LANGAT CATCHMENT FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD.
5.	AIS/WQLS/T7/8/2018	DESIGN AND BUILD OF EIGHT (8) NEW RIVER MONITORING STATIONS (RMS) AT SUNGAI LANGAT SG SELANGOR AND SG KLANG CATCHMENT FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD.

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami

SUKANĒ



RMS BERKENAN SERAH BENDERA SUKMA KE-19



OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, berkenan mencemar duli menyerahkan bendera Sukan Malaysia (SUKMA) ke-19.

Penyerahan bendera itu disempurnakan di Pusat Konvensyen Midlands, Seksyen 7, di sini, pada 3 September lalu.

Turut hadir Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dan EXCO Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor bersedia menghantar kontinjen untuk menyertai SUKMA ke-19, di Perak, pada 12 hingga 22 September ini.

Kontinjen Selangor akan berangkat ke Perak dengan misi

mempertahankan kejuaraan di-menangi ketika SUKMA Sarawak, pada 2016 dengan merangkul 61 emas, 71 perak dan 63 gangsa.

Amirudin dalam ucapannya berkata, kontinjen Selangor akan mengambil bahagian dalam 29 jenis sukan dipertandingkan bagi menjayakan misi mengekalkan kejuaraan itu.

Katanya, antara sukan terbabit adalah renang, badminton, basikal, bola jaring, futsal, golf, hoki dan taekwando.

"Sebagai persediaan mempertahankan kejuaraan SUKMA ke-19, Kontinjen Selangor menjalankan persediaan berperingkat selama empat fasa, sejak Oktober 2016.

"Program itu sudah dilaksanakan membabitkan lapan je-



nis sukan pada fasa pertama dan jumlah pasukan terbabit dengan program persediaan SUKMA ditambah secara berperingkat pada fasa kedua, ketiga dan keempat," katanya.

Pada masa sama, Amirudin

mengucapkan tahniah kepada 679 orang terdiri daripada pengurus pasukan, jurulatih dan atlet yang mengambil bahagian dalam Program Persediaan Kontinjen Selangor ke SUKMA.

Malah, katanya, Program Bapa

Angkat Pasukan membabitkan Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat berkaitan kerajaan turut memberi impak positif dalam persediaan Kontinjen Selangor menghadapi SUKMA yang bakal tiba.

"Bantuan daripada segi penyediaan logistik dan kemudahan serta tempat latihan sesuai dilihat memberi perkembangan memberangsangkan terhadap prestasi atlet yang bakal bertanding.

"Saya berharap Kontinjen Selangor diketuai Dato' Mohd Yasin Mohd Saleh dapat meneruskan usaha mempertahankan kejuaraan dan beraksi penuh semangat juang bersesuaian dengan moto Selangor pada tahun ini iaitu 'Terus Cemerlang,'" katanya.

10,000 meriahkan #AnakAnakMalaysia Walk

SHAH ALAM - Seramai 10,000 peserta menyemarakkan acara #AnakAnakMalaysia Walk yang berlangsung meriah, di Eco Ardence, Setia Alam, pada 2 September lalu.

Seawal jam 5.30 pagi, peserta melakukan sesi memanaskan badan bersama pengajar kecergasan dari gim i-1 serta berjalan kaki sambil memakai baju-T dan gelang #AnakAnakMalaysia.

Lebih meriah lagi acara pada jam 7.35 pagi itu dilepaskan Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, R Sivarasa bersama-sama Pengerusi Kumpulan Eco

World Development, Tan Sri Liew Kee Sin.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur #AnakAnakMalaysia, Tan Sri Lee Lam Thye; Pengerusi Kumpulan Star Media Bhd, Datuk Fu Ah Kiow dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Star Media Bhd, Datuk Seri Wong Chun Wai.

#AnakAnakMalaysia Walk adalah kerjasama antara syarikat hartanah terkemuka Kumpulan Eco World Development Bhd dan Kumpulan Star Media Bhd.

Penaja lain untuk acara itu termasuk Panasonic (penaja perak) dan DRB-Hicom (penaja kenderaan).



Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985